and he speculates that as a result of this fragmentation there has been an increase of almost two-thirds or 64% in this ownership claims in approximately 50 years, so that they expect that after the field recorders have done their survey, the actual number of co-owners would have risen to 75%. In other words, even in 1955 Mr T.B. Wilson had in his survey held that there could be as much as 75% of our padi lands held under fragmentation ownership.

Now, Mr Speaker, Sir, I am going to make certain recommendations. Before I do so, I would like to refer to the Honourable Minister, again, to the recommendations given by Mr T. B. Wilson which have as yet not been adopted by the Government.

He says:

(1) a full land reform programme is advocated based on the Middle East and Asian experience to ensure a more even distribution of ownership and to promote agrarian stability and to consolidate small holdings, etc.; and he says that the Padi Cultivators (Control of Rent and Security Tenure) Ordinance of 1955 should be modified to:

- (a) give a tenant a minimum tenure of three years;
- (b) specify landlords obligations;
- (c) give tenants compensation rights for improvements; and
- (d) specify a fairer allocation of the padi crop in cases of crop failure.

Mr Speaker, Sir, what we need is not another piece of legislation. What we need is not another Board which may give jobs for the boys, but a proper Board to conduct a whole land reform movement throughout the whole of our rural areas, especially our agricultural and padi our growing areas. What we need is a Board not only of Alliance members or ex-Alliance members but people who are capable, and I call upon the Honourable Minister, if he wants to set up such a Board, to include in it members from other parties, who have the interest and who have the ability and a capacity to assist this Board in carrying out a genuine reform.

I have mentioned the Federal Land Development Authority, I have mentioned the Rural Development Plan, I have mentioned the Rural Development Ministry. There is also the Federal Padi Cultivators (Control of Rent and Security of Tenure) Ordinance 1955 which fixes rent for these people. This Ordinance has not, in fact, been put into full practice. So what is the use of setting up another fragmented type of Board with another fragmented type of laws. What we need in this kind of Bill is the power of compulsory purchase. If one owner wishes to have his land developed and the next owner has money and does not want his land developed, and therefore the Authority has no power to develop the land—both lands—and cannot develop it properly, therefore the Authority should have the power to purchase, whether or not at the request of the owner, under Section 4 of this Bill, whether or not at the request, it should have the power of compulsory purchase. But, having compulsorily purchased this land, having got the power of compulsory purchase, what should the Authority do? The Authority should compulsorily consolidate uneconomic holdings, basing the question of consolidation upon the type of land and the kind of cultivation. Now, in South Kedah, there are thousands of acres of flat land, padi land, which can be more suitably cultivated by tractor, mechanised tilling. At the moment, separate owners are tilling the land separately, some using mechanised tilling and some using buffaloes. So, there should be compulsory consolidation of uneconomic holdings, and there should be compulsory mechanisation of land tilling of all these lands.

Thirdly, the ultimate idea of this compulsory purchase should be to give shares of these lands back to the actual people who till the land; in other words, landlordism, which is the cancer of our rural economy, should be destroyed, especially with regard to agricultural land, because agricultural land means you must work on the land; and, therefore, land should go back to the tillers. But in case these people own the land and in case fragmentation

should arise when they die, the way to give the land back to the tillers is to give the land back to them through co-operatives. In other words, village co-operatives should be formed and all the farmers should own shares in the co-operatives and the co-operatives should own the land, so that, when each shareholder dies, it is his share that is divided and not the land, so that the co-operatives can continue tilling the land using the shareholders to till the land and to work the land. At the same time, Mr Speaker, Sir, when a shareholder dies, when a worker dies, and his shares are divided, the land can be tilled by somebody else, preferably the successor of the shares, which will be divided under the rules of the co-operative society.

Finally, the work over all these lands should be based upon the *gotong royong* system. I say “gotong royong” system, Mr Speaker, Sir, because if I say “collective” there should be collective work and there should be collective ownership, I might be misunderstood to be advocating communist measures. So, I would advocate the *gotong royong* system. The *gotong royong* is native to our country. This has been done for years and in South Kedah, towards the south of Tanjong Dawai, still we see the villagers and the farmers, when it comes to harvesting and planting, carrying out their work on the *gotong royong* system, moving from field to field collectively, and the thing is harvested collectively. Therefore, ultimately, the objective of any such kind of Bill should be to obtain proper land schemes, which would divide our lands into padi lands, rubber lands, vegetable lands and so on, owned by village co-operative societies with a central management, shares of which are held by the villagers themselves, who are working or living in that area. There should be mechanised ploughing, because it has been shown in the Russian and American experiments, where the Russians have a mechanisation of 1.7% and the Americans have a mechanisation of 5.4%, that the production under mechanisation is about 2½ times more than that from Russian land.

Then, there should be village co-operatives, which would obtain profit

and divide the profit amongst the shareholders, who are working on this land, and the money should be kept in those villages through these societies, and those villages should then provide schools, clinics and, in the bigger combines, hospitals, so that the young children growing up in these lands, in our rural areas, will find amenities in the villages and thus prevent the drift not only of population, growing population, but of money into the towns. Now, what we are getting is the sinewy, bulbous type of development, which we find in many colonies, of long, thin strings of little lanes leading from the padi-field into huge swollen masses of townships, small and big, with poverty stricken rural areas and overcrowding in the townships. If we do it this way, we will obtain village societies on a proper basis, instead of the present painful, undernourished and disease-infested population that we see in our rural areas.

Mr Speaker, Sir, Clause 4 says that the Authority can only act at the request of the owner. It means, therefore, that only less than half of the people can request the Authority to act, but the padi planter, the renters, cannot ask the Authority to act, so that if he has his small $1\frac{1}{2}$ acres of land and wishes to extend it, since he is not an owner, he cannot ask the Authority to come in to develop this land and take over from the next lot which may not have been cultivated for some time. So this Clause 4 would, in fact, end up with the Authority making milk bottles, filling them with milk and feeding the landlords with such milk.

Mr Speaker, Sir, to conclude, there must be compulsion, ownership should be held in shares and not over lands, so that land cannot be sub-divided. We should have a drastic change in our rural policy and, whilst not wanting to disagree with the Honourable Member for Tanjong, the Co-operative Ordinance, which he says is bringing about a silent revolution, should in fact be accelerated and powers should be given to this Authority to compel the formation of co-operatives in rural areas.

Dato' Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir): Tuan Yang di-Pertua, bila kita dengar ucapan daripada

Yang Berhormat Ahli daripada Dato' Kramat sa-malam, boleh-lah kita perchaya yang hendak-nya beliau itu kita menganggapkan bahawa pentadbiran Kerajaan itu sa-bagai pentadbiran automation dan pegawai² Kerajaan itu sa-bagai IBM Computer Machine. Sebab, kalau saya faham betul² kata dia, sa-buah Kementerian dengan tidak ada kakitangan boleh menjalankan semua ranchangan yang patut boleh membawa faedah kepada ra'ayat negeri ini.

Sa-malam dia kata juga, Bill ini adalah satu Bill yang "wicked Bill". Saya pun tidak berapa faham fasal apa dia terpaksa menggunakan perkataan "Wicked Bill" itu.

Enche' Lim Kean Siew: On a point of clarification, Sir, I said "shocking", not "wicked", please.

Dato' Nik Ahmad Kamil: Minta ma'af Tuan Yang di-Pertua, shocking Bill, tetapi bila kita dengar ucapan dia pada pagi ini, nampak-nya dia sudah berubah lagu-nya sedikit. Dia bersetuju, tetapi kata dia kena ada satu Board, tidak Authority. Jadi pada pagi ini dia bersetuju Board itu kena masokkan Ahli daripada semua parti. Jadi saya tidak

Enche' Lim Kean Siew: Sir, on a point of clarification, before he goes on too far. When I said it was shocking, I was referring to Clause 4, because Clause 4 (a) deals with any lands which the Authority can develop of its own motion and with the approval of the appropriate State Authority and yet Clause 4 (b) says that where the owner of such land requests, then the Authority may act but it may act only on any land other than those specified in paragraph (a). Now, paragraph (a) says "any lands" which means all lands, so that paragraph (a) and paragraph (b) do not seem to tie up and, therefore, since this is such an important Bill this thing should be very clear, and because it is not clear, it is shocking.

Dato' Nik Ahmad Kamil: Tuan Yang di-Pertua, walau pun Ahli Yang Berhormat itu niat-nya hendak menuju atau refer kepada Clause 4, sa-malam lagi saya sudah tulis "shocking Bill", saya tidak tulis pada pagi ini, tetapi

sa-malam saya sudah tulis, tetapi dia kata dia menggunakan perkataan "shocking" itu kepada Clause 4 sahaja, jadi dia tidak boleh marah kepada saya, jikalau sa-kira-nya dia sendiri mengatakan "shocking Bill" dan saya telah tulis dengan pensil saya sendiri sa-malam, bukan pada pagi ini saya tulis!

Enche' Lim Kean Siew: Can I have a further clarification?

Dato' Nik Ahmad Kamil: Tuan Yang di-Pertua, rasa saya sudah terang apa tujuan-nya jadi saya tidak hendak berbahath. Tetapi dengan 'am-nya, saya perchaya, Ahli Yang Berhormat itu bersetuju di-adakan satu Undang² supaya memberi kuasa, boleh pehak² yang berkuasa, menchari iktihar dan jalan supaya boleh kita menolong menyelesaikan masalah yang telah menjadi satu masalah yang berpuluh² tahun, terutama sa-kali di-kampong², berkenaan dengan hak kepunyaan orang kampong pada keluasan tanah yang kecil yang tidak boleh di-sifatkan seperti economic holdings, ma'ana-nya dengan tanah² kecil ini tidak boleh mereka mendapat atau menchari nafkah hidup yang sa-chukup-nya buat makan anak beranak mereka. Jadi saya sendiri sangat²-lah bersetuju yang Kerajaan telah mengemukakan Rang Undang² ini.

Pada awal tahun ini, saya telah mendapat kesempatan sa-kali dengan beberapa orang rakan² saya, memeriksa masalah orang², terutama-nya daripada segi orang Melayu kita, bersangkut-paut dengan harta tanah yang dipegang-nya. Jikalau kita anggarkan dengan jalan kasar, tidak kurang daripada 50% daripada tanah² yang dipegang oleh orang² kampong itu luas-nya kurang daripada 5 ekar, pukul rata. Satu masa dahulu ada Kerajaan mengadakan survey dan daripada kehasilan survey ini-lah di-dapati angka yang saya sebutkan tadi. Kita hendak anggap berapa ekar-kah di-katakan "economic holdings", pakar² kata-nya payah sedikit, tetapi kalau, Tuan Yang di-Pertua, ma'afkan saya *quote* satu pandangan daripada sa-orang pakar berkenaan dengan apa yang di-tafsirkan "economic holdings" itu, boleh-lah kita lebeh kurang faham atau boleh kita sandarkan kepada tafsiran atau

fahaman dia itu untuk membuat penyiasatan yang lebeh halus lagi atau mengadakan scheme² yang lebeh baik lagi, untuk mengadakan economic holdings kepada orang² kampong. Saya bacha dalam bahasa Inggeris di-sini:

"Although it has been pointed out by some authoritative quarters that the economic size of the farm holding, depends in general on the quality of the land and the method of cultivation employed, it may be roughly described as one under normal conditions that which should be able to provide the cultivator and the working member of his family with more or less full employment, giving them a decent living and, after meeting living and production expenses, leave them a surplus either to be treated as savings or for reinvestment in farms improvement".

Bersandar kepada fahaman yang sabagitu, ia-lah fahaman yang di-buat oleh sa-orang pakar, saya perchaya nama-nya Tuan Chen, maka boleh-lah kita anggarkan sa-takat mana jumlah ekar-nya patut sa-saorang peladang itu, dengan anak bini-nya, mempunyai, jikalau sakira-nya kita hendak chapaikan chita² Kerajaan hendak membolehkan sa-saorang keluarga kampong itu mendapat pendapatan, tidak kurang daripada \$300 hingga \$350 ringgit sa-bulan. Ini-lah rasa saya kalau tidak salah ingatan saya, niat dan chita² Kerajaan kita apabila kita mendirikan beberapa ranchangan daripada beberapa segi dan lain²-nya. Jika kita bersandarkan kepada fahaman Tuan Chen tadi dan menyantumkan dengan kehendak dan chita² Kerajaan, maka kata orang² yang menyiasat perkara ini, jikalau orang² itu hendak bertanam getah hendak-lah orang² ini mempunyai tanah tidak kurang daripada 6 ekar. Jika dia berkebun kelapa sawit, tidak kurang daripada 10 ekar. Jikalau ia hendak berkebun kelapa atau pun padi, tidak kurang daripada 18 ekar. Maka ini angka yang kita boleh bacha dan kita boleh aku² betul di-atas kertas, tetapi jika kita pandang di-kampong di-tepi pantai, ada-lah sa-suatu keluarga itu mempunyai jumlah ekar bagaimana di-sebutkan tadi? Saya kata tidak ada. Terutama sa-kali di-negeri saya sendiri, saya berchakap ini bukan-lah berchakap angin sahaja, sebab saya tahu daripada zaman saya muda² menjadi Penolong Pegawai Jajahan sa-hingga tua menjadi Menteri Besar, saya tahu hal keadaan bagaimana-kah luas-nya

holding sa-saorang peladang kita di-kampong. Sebab yang boleh menjadi kechil itu barangkali asal-nya, di-zaman dahulu, waktu Kerajaan menge-luarkan tanah atau alienate tanah ka-pada ra'ayat, barangkali satu ekar atau dua ekar itu sudah memadai di-zaman dahulu. Kemudian satu dua ekar itu, bila menjadi tanah pesaka, sudah ber-pechah pula. Bagaimana saya mengaku betul perpechahan atau pun fragmenta-tion tanah itu ia-lah oleh sebab dari-pada Undang² atau Hukuman Pesaka kita pada segi orang² Islam, hukuman ugama Islam berkenaan dengan pesaka. Dari sa-keping tanah lima ekar, kalau ada warith-nya 10 orang—10 itu-lah berkehendakkan menjadi tuan tanah. Saya ingat kira bichara, pujok memujuk hendak suroh warith² itu chuchor-me-nyuchor, payah di-terima, Tuan Yang di-Pertua. Sebab mempunyai tanah itu menjadi satu kemegahan, satu prestige, kata orang Inggeris, walau pun sa-besar tapak burung dia berkehendakkan juga—kata si-Mamat ini aku ada mem-punyai tanah walau 10 ekar atau pun 1/8 ekar.

Tetapi tidak-lah pula kerana sebab hukum Islam itu membenarkan sekian banyak fraction kepada anak² laki², sekian banyak kepada anak perempuan, sekian banyak kepada bahu dia, berma'-ana yang tanah itu mesti kena di-pechah atau di-bahagi mengikut fahaman saya. Saya bukan pakar dalam ugama, rasa-nya banyak lagi sahabat saya di-sini boleh menerangkan jika saya silap. Tidak-lah mesti di-pechahkan—Physi-cal Sub-division—kata orang dengan jalan di-sukat ukor, tidak payah di-buat bagitu. Tetapi kalau sa-kira-nya 5 orang warith, semua-nya itu hendak memerintah atau hendak mengusaha-kan sa-keping tanah yang dua, tiga ekar, beberapa banyak-kah, Tuan Yang di-Pertua, bahagian keuntongan atau pendapatan yang boleh dapat kepada sa-saorang itu? Ini-lah sebab saya per-chaya Authority atau Lembaga yang akan di-dirikan di-bawah Undang² ini boleh tolong, sa-kurang²-nya chuba dahulu menchari satu jalan menyelesa-ikan masaalah yang sangat rumit ini. Satu daripada jalan-nya yang mustahak kita lancharkan, yang saya perchaya sudah pun di-lancharkan tetapi dengan tidak chara berbesaran, ia-lah satu

aliran baharu berkenaan dengan eko-nomi pertanian (agricultural ekonomi). Ini tentu-lah mewajibkan kita kena luaskan lagi agricultural extension services.

Yang kedua-nya kena-lah kita tun-jukkan kepada tuan² punya tanah yang memegang uneconomic holding atau bidang tanah yang tidak berekonomi itu, chara mana kita boleh menolong. Satu daripada jalan-nya ia-lah kita buat pakatan di-antara warith² supaya boleh di-adakan chuchor-menyuchor ma'ana-nya cross payment supaya boleh satu keluarga sahaja mempunyai sa-keping tanah sa-kurang²-nya luas memadai mereka atau keluarga mereka itu mem-buat chari sara hidup.

Berkenaan dengan pemechahan tanah, jikalau wajib, kerana sebab kadang² ada berbalah di-antara warith, Tuan Yang di-Pertua, di-paksa oleh sa-orang warith kepada warith lain, hendak pechah tanah pergi kepada Pejabat Tanah, membuatkan sub-divi-sion, kena-lah kita adakan undang² menyatakan sa-luas mana atau sa-kechil mana sub-division itu boleh di-benarkan.

Perkara ini telah berbangkit lama, sa-bagaimana yang saya kata, Tuan Yang di-Pertua, ada Kerajaan² Negeri tidak bersetuju, dia kata, "ini melang-gar kepada hukuman, kalau si-polan itu berhak 1/16 ekar, mesti kita beri kepada dia 1/16 ekar, kalau hendak sukat tanah pun, sukat-lah, bagi 1/16 ekar sa-orang". Tahun 1939/1940, saya ingat di-Kelantan, telah timbul masa-alah ini bagi pehak Kerajaan berke-hendakkan meminda Undang² supaya sa-kurang²-nya kita boleh menyekat sa-kechil² mana boleh di-benarkan. Lepas daripada berunding—pergi mari—di-antara Kerajaan dengan ulama', bagitu bagini bersetuju-lah mereka boleh kita sukat tidak kurang daripada 1/4 ekar—sa-kechil 1/4 ekar. Ini 1/4 ekar, Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh membuat menchari nafkah atau jalan hendak menchari makan bagi tuan punya 1/4 ekar pada zaman sekarang ini, di-mana harga barang mahal, harga kain baju mahal. Ini bergantung-lah kepada paka-tan di-antara Lembaga ini dan Kerajaan Negeri kelak menchari apa jalan yang patut sebab kita faham masaalah

tanah atau kuasa di-atas tanah itu, kuasa hak Negeri. Macham mana pun jikalau Kerajaan Negeri tidak berkerjasama, maka tentu-lah akan gagal apa dia chita² dan niat Kerajaan mendirikan Lembaga yang akan didirikan, jikalau sa-kira-nya Undang² ini di-luluskan.

Berkenaan dengan tanah pusaka itu begitu-lah sa-bagaimana shor saya buat pakatan. Chuchor-menchuchor, tolak-menolak sa-hingga dapat-lah satu daripada warith itu mempunyai satu bidang tanah yang boleh di-angap satu bidang yang ekonomik. Tetapi sa-lepas daripada kita menyelesaikan masalah pemuliharaan itu, apakah kita kena buat berkenaan dengan mereka² yang menolak hak kepunyaan tanah itu? Ini satu masalah yang besar. Jika sa-kira-nya kita kata, di-bawah chadangan Undang² ini kita consolidate atau menchantumkan 100 ekar tanah yang dahulu di-punyai oleh 40 orang tuan, bila kita chantumkan itu sudah bersetuju chuma 10 orang sahaja menjadi tuan punya ia-itu 10 ekar satu orang, apa yang kita hendak buat dengan 30 orang lagi itu? Ka-mana kita hendak letakkan mereka? Maka di-sini-lah mustahak-nya FLDA mengambil peranan yang bertambah² lagi. Sebab faham saya, Kerajaan mendirikan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FLDA) ia-lah membuka tanah² baharu untuk menghapuskan orang² yang ada kelaparan tanah pada masa ini, yang tidak pernah ada hak tanah, di-situ-lah di-letakkan mereka di-kawasan FLDA. Lembaga yang akan kita dirikan di-bawah Undang² ini ia-lah Lembaga yang akan menchuba membaiki apa yang sudah ada, menolong mereka yang sudah ada hak kepunyaan atas tanah. Jadi, di-sini-lah, jika sudah ada timbul tinggal 30 orang yang kita hendak menyelesaikan—kerana hendak menolong memberi kesenangan kepada 10 orang, yang 30 orang lagi itu kena-lah kita chari jalan, di-mana-kah kita kena tempatkan mereka supaya mereka itu dapat menchari nafkah hidup-nya. Satu daripadanya, saya kata, kena-lah di-tempatkan mereka di-kawasan² FLDA, di-sini wajib-lah FLDA kena membukakan kawasan² berlebehan lagi.

Yang kedua-nya, di-sini-lah yang mana MARA boleh mengambil peranan yang besar, membukakan perusahaan² supaya boleh mereka itu bekerja menchari nafkah.

Yang ketiga-nya, di-sini-lah Kerajaan Pusat—pehak Kementerian Perdagangan dan Perusahaan—boleh membanyakkan lagi kilang² yang besar di-mana mereka itu—orang² yang tidak ada lagi tanah—di-beri pekerjaan boleh mendapat nafkah sara hidup hari². Jadi scheme ini semua-nya, Tuan Yang di-Pertua, satu itu bergantung kepada lain—berpusing dia sa-bagai satu bulatan, kalau sa-kira-nya kita hendak menchapai kejayaan.

Ada tadi Yang Berhormat daripada Dato' Kramat, menegorkan bahawa Clause 4 ini ia-lah dia kata shocking. Kita terima-lah tegoran-nya itu ia-itu atas Clause 4 sahaja. Dia kata, jika tidak ada kuasa kita boleh memaksa tuan² tanah menjual, maka tidak boleh-lah kita menjalankan tujuan di-bawah Undang² ini. Dia kata, mesti-lah ada power of compulsory purchase. Betul dalam Clause 4 tidak di-beri kuasa kepada Lembaga ini—kuasa dia boleh memaksa membeli kalau tuan tanah yang tidak suka menjual. Saya mengaku saya tidak ada-lah masa menyiasat Undang² atau scheme yang sa-chara ini di-negeri lain sa-rata dunia. Tetapi fahaman saya, banyak negeri² yang ada Undang² sa-umpama ini atau scheme yang sa-umpama ini, kebanyakan dia suka supaya masalah pemuliharaan dan perchantuman ini di-buat dengan sukarela. Barangkali harus ada negeri² yang memberi kuasa kepada satu badan sa-umpama ini, kuasa boleh memaksa, ini saya tidak berani mengaku negeri yang mana ada, tetapi saya faham kebanyakan daripada negeri² yang menggunakan Undang² sa-umpama ini di-gunakan ia-lah dengan chara pakatan.

Dr Tan Chee Khoon: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Di-negeri Taiwan—Kerajaan negeri Taiwan terpaksa membeli tanah² dan di-beri tanah itu kepada petani². Itu-lah satu negeri yang Kerajaan-nya terpaksa membeli tanah.

Dato' Nik Ahmad Kamil: Tuan Yang di-Pertua, saya terima kaseh-lah kapada Yang Berhormat daripada Batu, kata dia di-negeri Taiwan ada Undang² yang menguasai kapada satu Authority seperti ini, memaksa membeli tanah, kalau saya tidak salah faham. Ini atas Kerajaan-lah menyiasat dan atas Lembaga ini-lah kelak yang boleh mengangkat apa² kesulitan mereka apabila mereka hendak menjalankan tugas² di-bawah Rang Undang² ini.

Tetapi bagi pehak saya, Tuan Yang di-Pertua, dengan apa chara di-buat pun, ini masalaah hendak memulehkan—hendak menchantumkan tanah di-kampung² supaya sa-saorang itu memegang satu bidang tanah yang ekonomik ia-lah satu masalaah yang sangat² mustahak yang saya sendiri fikir, sebuah Lembaga yang sa-umpama ini boleh memberi pertolongan yang amat besar. Chara pertolongan itu macham²-lah; saya telah mengambil peluang mengeshorkan atau memberi pengeshoran dua, tiga jalan yang boleh di-timbangkan. Tetapi jangan-lah pula apa yang telah di-buat oleh Lembaga ini kerana menyenangkan satu bilangan kecil, akan menyusahkan satu bilangan yang besar. Sebab itu-lah saya tegas-kan, kena-lah scheme FLDA itu di-besarkan lagi. Kena-lah MARA, yang sekarang ini saya harap, ada mempunyai kuasa yang cukup menolong terutama sa-kali orang² kampung—bumiputera kita—mendirikan beber-apa perusahaan.

Yang ketiga-nya, bagi pehak Kementerian Perdagangan dan Perusahaan membanyakkan lagi galakan atau memberi galakan supaya boleh menjadi lebeh² lagi di-buka kilang² yang besar² supaya boleh-lah di-beri pekerjaan kapada mereka. Jadi dengan rengkas-nya, kena-lah kita susunkan supaya jalan mencari nafkah hidup itu ada sa-lebar²-nya di-sekeliling, bukan dengan jalan naik atas, naik atas bagini sahaja. Saya tidak-lah Tuan Yang di-Pertua, hendak menegor pada ketika ini atas butir² Undang² sebab harus, sampai masa-nya, boleh kita rundingkan di-waktu Dewan ini bersidang dalam Committee. Tetapi dengan jalan 'am-nya, itu-lah pandangan dan pengeshoran saya bagi timbangan

pehak Kementerian yang berkenaan dan juga apabila telah di-dirikan Lembaga ini, maka saya harap-lah Lembaga ini memberi pandangan yang sa-halus²-nya kapada masalaah yang saya sebutkan tadi. Mudah²an dengan kita bermuafakat, kita bekerjasama semua boleh-lah kita menjayakan segala niat² dan chita² Kerajaan hendak meninggikan taraf hidup orang² kampung di-seluruh Malaysia ini. Saya harap, sungoh pun pada masa ini, Bill ini, di-sakat kapada States of Malaya atau negeri² tanah besar Semenanjung, tetapi saya harap, akan datang sa-telah di-kaji, maka hendak-lah juga kita membawakan pertolongan sa-umpama ini kapada sahabat² kita daripada negeri Sabah dan Sarawak.

Mr Speaker: The sitting is suspended for 15 minutes.

Sitting suspended at 11.40 a.m.

Sitting resumed at 12.10 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

THE NATIONAL LAND REHABILITATION AND CONSOLIDATION AUTHORITY (INCORPORATION)

BILL

Second Reading

Debate resumed.

Tuan Haji Ahmad bin Said (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang² Pemulehan Tanah Kebangsaan dan Lembaga Penyatuan. Saya menarek perhatian Dewan ini, ia-itu baharu² ini kita telah pun membahathkan satu Rang Undang² ia-itu The National Land Code—Undang² Peratoran Tanah Kebangsaan. Tujuan Rang Undang² itu ia-lah untuk menentukan jenis² tanah, ia-itu tanah dalam kawasan bandar, tanah kawasan pekan yang di-perwartakan atau Gazetted Villages dan sa-lain daripada itu di-anggapkan sabagai tanah untuk Pertanian, dan di-dalam Undang² itu ada menyebutkan bahawa Kerajaan Negeri berkuasa memaksa tuan² tanah supaya menjayakan tanah² itu. Sa-kira-nya tuan² tanah enggan menjayakan tanah² mereka itu, Kerajaan boleh mengambil tanah itu atau merampas tanah itu dan memberikan kapada orang lain untuk mengusahakan-nya. Dengan ada-nya

Rang Undang² ini, maka Kerajaan Negeri boleh menjayakan tanah² yang terbiar supaya tanah² itu dapat memberi faedah dari segi ekonomi kepada pemegang² tanah.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, masalah yang besar sa-kali, yang di-hadapi oleh petani², ia-lah masalah tanah tidak cukup dari segi ekonomi—tanah sewa. Waktu membahaskan Rang Undang² "The National Land Code", saya telah menegaskan ia-itu Kerajaan patut mengambil satu langkah yang tegas untuk memberi tanah kepada orang² yang tidak ada tanah. Dengan melaksanakan satu Undang²—"The National Land Reform"—yang tiap² orang, peladang mithal-nya, di-beri satu keluarga sa-luas yang di-katakan economic holdings 5 ekar, pekebun kelapa sa-orang 10 ekar dan lain² lagi. Dengan chara memberi tanah kepada orang² yang tidak ada tanah, ini ada-lah memberi satu semangat kepada orang² ini berusaha di atas tanah yang mereka sendiri mempunyai-nya. Ma'alum-lah sa-orang peladang berusaha di atas tanah orang lain, menghadapi beberapa kerumitan, hendak membayar sewa tanah belanja di atas baja, di atas tractor dan lain² lagi. Tentu-lah jiwa mereka itu untuk mengusahakan tanah mereka itu tidak sama dengan sa-orang yang mempunyai tanah-nya sendiri. Banyak tanah² yang di-miliki oleh hartawan², yang mereka chuma menerima sewa sahaja. Jadi patut Kerajaan membuat satu Undang²—membeli tanah² ini dengan harga pasaran dan di-pechah²kan dan tiap² sa-bidang di-anggapkan jadi economic holding dan dapat mereka ini bayar balek kepada Kerajaan sa-chara beransor².

Saya telah menarek perhatian, ia-itu di-Pulau Pinang ada satu tanah yang besar, yang di-punyai oleh Ladang Gelugor (Gelugor Estate) dan Brown Estate, sa-hingga berkurun² mereka ini mengutip sewa daripada orang² yang menyewa tanah dan beberapa banyak tanah² sawah yang di-punyai oleh hartawan² dengan sa-chara ini dapatlah orang² atau keluarga² yang tidak mempunyai tanah itu berusaha bersungguh². Sekarang ini tidak, dapat kita laksanakan ranchangan yang tegas, sa-bagaimana yang di-terangkan oleh

Yang Berhormat Menteri, Ranchangan Kemajuan Tanah Persekutuan (FLDA) dapat sanggup memberi tanah kepada chuma 50% sahaja tetapi yang 50% lagi yang enggan hendak berpindah ka-tempat lain, maka patut-lah Kerajaan melaksanakan shor yang saya kemukakan ini. Dengan chara ini-lah dapat kita menyelesaikan beberapa kerumitan yang di-hadapi oleh petani² kita.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² ini di-luluskan oleh Dewan Ra'ayt, tetapi mesti-lah di-terima oleh Majlis Undangan Negeri. Ini ada satu kerumitan, harus boleh jadi, Kerajaan Negeri tidak akan mahu mencrima Rang Undang² ini. Sabagai negeri Pulau Pinang, Undang² Kawalan Sewa Tanah Bendang No. 9/55 yang di-luluskan dalam tahun 1955, sahingga hari ini tidak di-laksanakan.

Berkenaan dengan The National Land Code pun baharu² ini bukan main punya hebat perbahathan, baharu-lah Kerajaan Negeri hendak jalankan pada 1-1-66 ini. Jadi saya haraplah supaya Kerajaan Negeri akan menerima Rang Undang² ini dengan baik-nya, dengan tidak tertunggu² lagi.

Mengikut Fasal 4, pelaksanaan Undang² ini mesti-lah dengan permintaan daripada Kerajaan Negeri, dengan persetujuan daripada Kerajaan Negeri, dan dengan permintaan daripada tuan² tanah. Jika Kerajaan Negeri tidak meminta, kalau Kerajaan Negeri tidak bersetuju, jika tuan² tanah tidak memohon, maka Rang Undang² ini akan tinggal sa-bagai Rang Undang² sahaja. Oleh itu, saya harap, sa-lepas melaksanakan Rang Undang² ini, di-kaji semula, sa-kira-nya Undang² ini tidak dapat berjelaan dengan lichin, boleh di-perbaiki Undang² ini supaya menguatkan lagi dasar² untuk di-laksanakan dengan baik-nya.

Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya kita kaji dengan halus, nasib² petani kita, kebanyakan daripada petani² tidak cukup semangat hendak berusaha di atas tanah² mereka itu, khas-nya pemuda² daripada luar bandar. Mereka suka bekerja sa-bagai buroh jika gajinya sa-banyak \$60 sa-bulan pun mereka terima \$40 pun mereka terima asalkan gaji-nya itu tetap. Jikalau

kita bandingkan sa-orang peladang yang berusaha bersungguh² sa-hari 8 jam, boleh dapat \$200 sa-bulan, tetapi apa-kah sebab-nya yang pemuda² tidak chenderong hendak berusaha di-atas kampong atau tanah mereka itu. Sebab daya penarek-nya, Tuan Yang di-Pertua, tidak begitu memuaskan. Mereka berusaha berchuchok tanam, tidak dapat jaminan pasaran, mereka dikongkong dan di-ancham oleh orang² tengah yang bijak pandai dalam hal perniagaan dan perusahaan.

Oleh itu satu dasar untuk memberi kawalan kepada hasil² petani² kita supaya mereka itu dapat bayaran pengeluaran daripada titek peloh mereka itu dengan sa-patut-nya untuk hendak menjayakan pandangan saya bagaimana saya telah lihat di-negara yang maju, Kerajaan memberi galakan yang sa-penoh-nya, membeli atau memasarkan barang² mereka itu dan di-bayar dengan harga yang chukup berpatutan dan menahan kemasokan bahan² makanan daripada luar negeri yang berlebehan², dan sa-kira-nya bahan² makanan saperti buahan² yang hendak di-masokkan dalam negara kita ini di-sekat atau pun di-buat satu perjanjian kalau mithal-nya, Australia hendak memasokkan apple sa-ribu tan, dia mesti terima bahan² buahan² daripada negeri kita ia-itu 1,000 tan juga, kerana buahan² ini di-makan oleh orang yang ada duit sahaja, orang² yang ada duit di-Australia boleh makan pisang, buah chiku, nanas, manggis dan apa² juga yang boleh di-ekspot.

Jadi kita, sebab negara yang kaya raya dengan ada hasil mashol negara kita—getah, bijeh, dan bijeh besi boleh kita hidup, tetapi negara² yang tidak ada hasil bumi yang banyak ta' boleh belanja banyak-nya, di-sekat-nya barang² luar negeri yang masok, dengan itu memberi galakan kepada petani² muda kita berusaha mananam sayuran², buahan² yang lebeh banyak lagi, supaya dapat mereka itu hasil yang chukup. Ini bersangkut-lah dengan ranchangan perekonomian, khas-nya Kementerian Perdagangan.

Jadi saya lihat negeri² lain satu Kementerian Ekonomi Negara—segala bahan² hendak di-ekspot daripada pertanian tidak melalui Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, melalui

terus kepada *cabinet* yang di-adakan sa-orang Menteri Ekonomi atau peranchang ekonomi negara. Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjayakan ranchangan ini patut di-adakan satu Jawatan-kuasa Peranchang Ekonomi, bukan sahaja dari peringkat Persekutuan bahkan di-dalam tiap² Negeri mesti ada sa-buah Jawatan-kuasa Peranchang Ekonomi dan terus kepada daerah, supaya daripada daerah itu dapat-lah Ahli² Dewan Ra'ayat yang menjadi Jawatan-kuasa Pembangunan Luar Bandar Daerah meranchangkan perkara² memperbaiki perekonomian orang² yang di-luar bandar; daripada shor² dan pandangan orang itu di-bawa kepada peringkat Negeri dan manakala di-persetujukan oleh peringkat Negeri akan di-bawa kepada peringkat kebangsaan supaya di-kaji dan di-buat satu undang² yang munasabah, yang sesuai, yang boleh di-prektikkan supaya dapat menchiptakan satu masharakat yang terjamin kedudukan ekonomi mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya Kerajaan menimbang ia-itu bagi melaksanakan Rang Undang² ini, Kerajaan akan mengambil beberapa banyak pemuda² dari kawasan luar bandar dengan chara memberi sagu hati kepada mereka itu. Di-mana juga yang ada ranchangan yang Kerajaan hendak menjayakan, maka pemuda² ini bekerja dalam tanah² itu dengan chara membayar sagu hati. Dengan tenaga mereka itu dan mendapat sedikit sagu hati, lama kelamaan mereka akan suka bekerja di-atas tanah. Ini chara hendak memberi semangat kepada pemuda² berusaha di-atas tanah biar-lah Kerajaan rugi sedikit, bayarkan sagu hati kepada pemuda² yang di-luar bandar itu, chara bergotong royong, berusaha di-atas ranchangan² yang Kerajaan akan laksanakan ini. Bagaimana saya lihat ia-itu Tentera Wataniah dapat elaut sa-banyak \$7, kawad saminggu sekali, sa-bulan 4 kali \$28, berduyun², beribu² pemuda² masok hendak berkhidmat sa-bagai Tentera Wataniah—chuma \$28 sa-bulan. Jadi saya berharap supaya pemuda² anak² petani sendiri di-ambil mereka ini berusaha di-atas tanah yang Kerajaan akan usahakan untuk memberi faedah kepada tuan² tanah atau pun sa-kumpulan

tanah² yang di-punyaï oleh beberapa tuan itu supaya dengan chara ini, demi sa-masa ka-sa-masa, mereka akan chenderong, akan suka hendak berusaha di-atas tanah² itu, sa-lepas itu mereka sendiri akan berikhtiar berusaha bukan sahaja dengan chara chuchok tanam bahkan dengan chara ternak menternak dan membela ikan dan lain².

Sekian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Datin Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, berchakap dalam bakhathan perkara Undang² Pemulehan Tanah Kebangsaan yang di-kemukakan dalam Dewan ini, saya ada-lah mengalu²kan oleh sebab saya dapati Rang Undang² ini ada memberi peluang yang besar kepada kebanyakan ra'ayat negeri ini, terutama-nya di-luar bandar yang berpendapatan sangat rendah dengan sebab sama ada kebun-nya itu kechil sangat atau pokok² tanaman-nya telah rosak atau telah sangat tua. Sunggoh pun Kerajaan ada menyediakan bermacam² bantuan, saperti bantuan menanam semula atau bantuan beneh² dan baja² dan lain²-nya, tetapi kita maseh dapati lagi sa-bilangan yang besar daripada mereka ini tidak mengambil peluang ini, bukan-lah dengan sebab mereka tidak gemar, tetapi ialah dengan sebab² tertentu, sebab yang besar sa-kali ia-lah mereka² ini semata² mendapatkan sara hidup sa-hari² daripada hasil kebun-nya yang kechil atau yang sudah tua itu. Sa-kira-nya pokok² tua di-kebun mereka itu di-tebang untok di-tanam sa-mula maka sudah tentu kalau di-tanam getah, atau kelapa atau pokok dusun, tidak kurang daripada lima tahun baharu dapat hasilnya. Maka ini-lah sebab yang besar yang melemahkan semangat mereka itu daripada mengambil peluang yang di-adakan oleh Kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, Undang² ini ada di-sebutkan pemulehan atau pun membaiki keadaan kebun² kechil, tetapi chuma akan di-buat sa-kira-nya ada permohonan daripada tuan tanah itu sendiri dan Kerajaan akan membuat perjanjian dengan mereka itu dengan sharat² yang tertentu. Di-sini, Yang di-Pertua, saya berpendapat sa-kira-nya Kerajaan tidak mengadakan sharat memberi bantuan

sara hidup kapada mereka, sa-bagai-mana yang di-buat kapada ranchangan FLDA hingga kebun mereka mendapat hasil, maka saya ta' perchaya ranchangan Kerajaan ini akan mendapat sambutan yang baik dan mendapat kejayaan. Saya juga ada-lah sa-pendapat dengan pandangan² yang di-kemukakan oleh wakil Kelantan Hilir dan saya harap pehak Kerajaan hendak-lah akan mengambil ingatan apa yang telah di-kemukakan atau pandangan yang di-beri oleh wakil daripada Kelantan Hilir tadi.

Sa-lain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, penerangan yang luas mustahak di-lancharkan dengan segera diseluruh negeri ini supaya mereka itu sedar, mengerti, atas tujuan ranchangan Kerajaan yang terkandung dalam Rang Undang² ini.

Saya berkehendakkan penerangan yang luas, kerana kebanyakan kita orang² Melayu khas-nya, maseh lagi pekat dengan fahaman yang sempit berkenaan dengan tanah pusaka, dengan sebab tiap² warith berkehendakkan sa-bahagian tanah itu walau sa-bberapa kechil sa-kali pun mereka merasa bangga. Sa-tengah² kalangan tua pula tidak mahu menebang pokok² tua yang di-tanam oleh nenek atau bapanya dengan sebab kenangan², konon-nya. Ini-lah satu daripada sebab yang merosakkan ekonomi kita orang² Melayu. Mereka itu tidak akan maju dan ranchangan Kerajaan tidak akan dapat di-laksanakan melainkan perasaan ini dapat di-hapuskan dengan di-beri penerangan dan pengertian yang chukup daripada Kerajaan.

Berhubung dengan Ranchangan Tanah Pinggir pula yang di-buat oleh Kerajaan Negeri masing², yang pada masa ini di-dapati sangat sukar untok di-laksanakan dengan jaya-nya oleh sebab kekurangan wang atau pun arahan yang tegas. Maka di-sini saya berharap kapada Kerajaan² Negeri memberi sokongan dan kerjasama yang erat demi kepentingan pekebun² kechil yang maseh lagi kekurangan di-dalam serba serbi.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kelantan Hilir): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian sadikit sahaja untok membahath Bill di-hadapan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Bill ini sangat-lah baik, kerana mengikut keterangan dan penjelasan yang di-beri di-akhir 'Bill ini mengatakan ia-lah satu daripada tujuan-nya untuk menambahkan pendapatan orang² kampung, pak² tani, supaya bertambah pendapatan mereka yang boleh menchukupi kehidupan mereka. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita kaji Rang Undang² ini satu persatu-nya, dapat-lah kita ketahui kelemahan² yang harus tidak boleh menjayakan tujuan Kerajaan yang baik. Dan saya akan terangkan dua tiga kelemahan di-dalam perkara ini.

Terlebeh dahulu biar-lah saya cheritakan sedikit sa-banyak keadaan pak² tani di-kampung². Ada-lah sebab yang menjadikan pendapatan orang² kampung kita sangat sedikit dan tidak menchukupi buat sara hidup mereka ia-lah kerana tanah² yang di-mileki oleh mereka itu sangat-lah kecil. Sebab-nya tanah yang di-mileki oleh mereka kecil atau pun dengan bahasa Inggeris di-namakan uneconomic holding ia-lah dengan kerana dua sebab. Sebab yang pertama ia-lah kerana bertambah penduduk² kampung yang begitu banyak, menjadikan tanah² yang di-mileki oleh mereka itu sekarang ini tidak menchukupi untuk mengeluarkan hasil bagi sara hidup pak² tani yang bersangkutan paut. Ini di-namakan pressure of population on land.

Satu lagi sebab-nya ia-lah kerana Undang² Pusaka yang membolehkan tanah yang kecil itu di-bahagi²kan. Kalau sa-saorang, kata-lah si-Ahmad, mempunyai 5 ekar tanah dan 10 orang anak maka mengikut Undang² Pusaka apabila mati si-Ahmad tadi, akan di-bahagikan-lah kepada anak 10 orang tersebut. Maka ini-lah lahir-nya soal fragmentation atau pun tanah yang sudah jadi kecil, yang bukan lagi mempunyai nilai economic holding, oleh sebab yang demikian pendapat dan hasil daripada tanah² pak tani lagi memberi sara hidup yang menchukupi untuk kejayaan hidup pak² tani di-kampung². Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua saya dahulu dalam tahun 1961 telah menyentuh perkara consolidation di-dalam Rumah yang mulia ini. Ini ia-lah satu perkara yang sangat penting

untuk membaiki kehidupan orang² di-kampung² dan di-sini, pendek kata, sangat-lah lambat untuk mengemukakan Bill yang sa-bagini kerana negara² lain seperti India, mereka itu sudah membuat Consolidation of Holding Act tahun 1936 lagi—ia-itu 29 tahun telah lalu. Tetapi kita maseh baharu pada ini hari hendak mengemukakan Bill ini yang pula tidak mempunyai kuat kuasa yang penoh untuk menayakan chita² yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kelemahan Bill ini ia-lah satu daripada-nya, Bill ini tidak-lah mempunyai kuat kuasa untuk menjayakan atau memaksa satu orang yang tidak mahu menyatu padukan tanah-nya supaya menjadi economic holding. Chuma Bill ini, sa-bagai yang telah kita dapat faham di-dalam Rang yang keempat, boleh authority dengan kerjasama daripada Kerajaan Negeri atau pun permohonan daripada tuan tanah sendiri baharu-lah authority ini, lembaga ini, dapat menjalankan pekerjaan-nya. Itu pun sa-kira-nya kata-lah di-dalam kampung itu ada Mr Ahmad, Mr Abdullah dan lagi satu Mr Kasim. Mengikut consolidation yang di-jalankan di-India, kalau Mr Ahmad ini ada mempunyai 10 ekar tanah, kata-lah tanah sawah, Mr Abdullah ada mempunyai 3 ekar tanah, Mr Kasim ada mempunyai 2 ekar tanah, kalau Kerajaan telah membuat keputusan bahawa tanah padi ini hendak-lah di-jadikan economic holding, kata-lah 5 ekar baharu-lah di-katakan economic holding, jadi si-Kasim mempunyai 2 ekar, Kerajaan boleh mengambil tanah yang 2 ekar untuk di-berikan kepada si-Abdullah yang tidak menchukupi tanah. Dan dengan jalan di-berikan compensation kepada tuan tanah itu—ini sa-bagaimana yang di-jalankan di-India sekarang. Tetapi kita di-sini boleh-lah kita membuat peratoran² yang mensesuaikan dengan keadaan kita di-sini. Tetapi mengikut Bill yang ada di-hadapan kita ini lembaga ini tidak ada mempunyai kuat-kuasa apa² pun hendak memaksa supaya jaya tujuan² yang terkandung di-dalam Bill ini.

Lagi pula, sa-kira-nya saya katakan 5. ekar sawah itu menjadi ekonomik holding dan Kerajaan pun dengan

jalan consolidation ini, dapat menjadikan tanah² yang tidak mempunyai nilai, yang menchukupi, yang memberi sara hidup yang chukup, dapat meng-“consolidate” atau menyatukan, tetapi apa-kah pula sa-telah di-satu-padukan tanah ini menjadi ekonomik holding? Apa-kah pula ubat² yang dapat di-kekalkan tanah² ini supaya jangan berpechah belah—fragmentation—akan berlaku kemudian kelak? Ini perkara harus-lah di-fikir juga oleh Kerajaan kerana kalau di-dalam masa 5 tahun ini dapat kita consolidate tanah menjadi ekonomik holding, tetapi lepas itu ta’ berapa lama tanah ini pula di-belah bagi pula sa-bagaimana yang telah berlaku. Jadi ini sayugia-lah bagi pehak Kerajaan mengkaji pula sama ada dengan jalan legislation-kah atau apa² charakah juga, yang Kerajaan boleh menegahkan supaya fragmentation dan sub-division itu tidak dapat di-jalankan oleh tuan² tanah. Dengan bagini baharu-lah dapat di-jayakan tujuan yang baik yang terkandung di-dalam Bill ini.

Sa-belum Kerajaan menjalankan chita² ini, baik-lah bagi pehak Kerajaan membuat satu kajian untuk mengetahui di-dalam sa-suatu daerah itu, berapa-kah orang yang mempunyai tanah yang un-ekonomik holding dan berapa orang yang mempunyai tanah yang banyak. Dan sa-lain daripada itu, hendak-lah pula kajian di-buat oleh pehak Kerajaan untuk mengetahui siapa-kah daripada orang² yang mempunyai tanah ini yang bersedia hendak memberi tanah-nya supaya di-jadikan ekonomik holding, kepada orang yang mempunyai tanah yang tidak chukup, dengan jalan compensation-kah atau pun dengan jalan apa juga. Dengan kajian yang tersebut ini baharu-lah dapat kepada pehak Kerajaan satu gambaran yang terang bahawa di-dalam sa-suatu daerah itu sa-kian banyak penduduk, sa-kian banyak tanah un-ekonomik holding dan ini bilangan orang bersetuju supaya di-satu-padukan tanah itu, bagini banyak-nya. Kemudian baharu-lah Kerajaan menjalankan polisi-nya. Kalau tidak di-adakan kajian yang halus bagini, maka susah-lah bagi pehak Kerajaan hendak menjalankan Bill ini.

Lagi satu perkara untuk menanamkan pendapatan orang² kampung,

bukan sahaja-lah dengan sa-chara di-satu-padukan tanah² yang tidak ekonomik holding itu menjadi ekonomik holding, bahkan perkara pemasaran ia-lah satu perkara yang besar sa-kali. Saya tidak-lah akan sentoh dengan panjang lebar perkara pemasaran ini, tetapi itu-lah menjadi satu faktor di-dalam kampung² yang mendatangkan kemiskinan orang² kampung kerana nilai bagi barang yang di-keluarkan mereka itu—harga yang mereka itu terima bagi barang keluaran mereka itu—sangat-lah rendah. Kita tahu Kerajaan telah mendirikan satu Lembaga Pemasaran, tetapi sayang-nya di-dalam Lembaga Pemasaran itu, pemasaran getah tidak di-masokkan.

Tuan Yang di-Pertua, getah ada-lah menjadi satu bahan mata pencharian kehidupan kepada orang kampung kita yang sangat banyak bilangan mereka sekarang ini darah mereka itu sedang di-hisap oleh pehak kaum tengah. Salagi Kerajaan tidak mengambil tindakan untuk pemasaran getah² ini, maka sa-lama itu-lah kemiskinan dan tipu daya yang sedang di-alami oleh penduduk² kampung, lebeh² lagi orang yang mempunyai kebun getah kecil, maka sa-lama itu-lah kemiskinan mereka itu akan kekal. Oleh sebab yang demikian saya chadangkan supaya Lembaga Pemasaran itu hendak-lah juga memasarkan getah di-dalam kampung², kerana dengan yang demikian itu, baharu-lah pendapatan orang² kampung dapat di-tambah dengan lebeh lagi.

Dr Lim Chong Eu: Mr Speaker, Sir, I would like to deal with this Bill from the particular and then go on to the general, in view of the comments that we have heard from the various parts of this House.

With regard to the particular, I think it is profitable for us to begin from the Explanatory Statement contained in the Bill. It is quite clear from the purposes of the Bill that the Authority that is planned to be set up is planned specifically for one purpose, and that is to maintain the question of providing rural incomes in Malaysia according to the First Malaysia Plan. Sir, from that point of view, I think, the Bill with a limited scope probably can succeed to do what the limited purposes are.

Sir, the only point I wish to bring up is with regard to Clause 4 of the Bill which refers to the functions of the Authority in (a) and (b). In (a) reference is made to :

“either if its own motion and with the approval of the appropriate State Authority, or at the request of such State Authority, any lands including lands within a group settlement.”

Sir, I feel that the term “any lands” is much too wide and probably there is a more definitive.

Enche' Abdul Rahman bin Ya'kub: Mr Speaker, Sir, in order to set at rest any more discussion on that one, I intend to move an amendment at the Committee stage. It was, in fact intended that the term “any lands” means State land rather than land including State land and non-State land. So, it refers only to State land, and I intend to move an amendment at the Committee stage.

Dr Lim Chong Eu: Well, since we have this explanation from the Minister on the point to which I wish to refer, I shall now go on to this question of the general aspects of this Bill. Without any doubt, Sir, if we read through the second paragraph of the Explanatory Statement, “Various measures have since been adopted with this objective in view, many of which are long-term and will not bear fruit for some years ahead,” it shows that the Alliance's First Malaysian Plan, and indeed the Alliance's next Five-Year Plan, will not meet the requirements or meet the objectives which it sets out to do and provide the people in the rural areas with the higher incomes, which the Alliance promised during the elections. Here we have a boat already full of leaks, and this Bill is just one of these minor methods of stopping a leaking boat.

Sir, without going into long details, and quoting authorities as my friend the Honourable Member for Dato Kramat seems to think necessary, I wish first to say that our problem in the rural areas, particularly over land issues, arises from this question of fragmentation—but it is far more than fragmentation, whether either by Government design where Government has

built this whole section of small land-holders and also by private enterprises which bought over large holdings which were previously owned by foreign concerns and then fragmented these holdings into small areas. It is quite clear, Sir, that the subsistence that can arise from small allotments of land must, first of all, fail to produce this \$300 per month income which was the objective of the Alliance Government, in the first instance, and secondly by the next generation following death, the land has got to be further sub-divided on inheritance laws; this further fragmentation which I would refer to as “parcellation” would be completely non-economic. Sir, the question, therefore, is that the Alliance Government has not thoroughly attempted to assess what is the actual situation in the rural areas, and it certainly has not come forth with a proper dynamic and vital policy, which can uplift not only the rural areas and the rural people but the whole nation as a whole. I suggest, Sir, that this Bill, even as it goes through—as indeed we have passed the MARA Bill and we have passed the Amendment to the Co-operative Societies Bill—together with all these Bills, Sir, are only stop-gap measures and it is incumbent now at this stage for the Government to set up a proper Commission or Committee of Enquiry, or Committee of Investigation, into the whole question of land reform and rural economic upliftment. There must be, Sir, we suggest, such a Committee because unless the Committee can really come forth with concrete proposals as to how the rural economy can be planned in a manner very much more satisfactorily than the plans that have hitherto prevailed, I am afraid no amount of Boards or Committees or MARA organisations will really successfully meet the needs of the people. Under the circumstances, Sir, I do feel there is need for my reference to this silent revolution which is going on—when we talked over the question of Co-operative Societies with particular reference to the development of Co-operatives to own land. Sir, I referred to this matter in the terms that I did, because I feel that the Alliance Government is aware, and indeed a great

number of the Alliance Members in this House are aware, that the people in the rural areas are not satisfied, are not happy with their lot, and it is largely due to their hitherto strong allegiance to the Alliance Party that they have managed to keep quiet. But this revolution, Sir, will not be silent for very long, because if within the next five years, within the period of the Malaysia Plan, the Alliance Party fails to provide the people in the rural areas—call them what you like, “bumiputras”, anything you like—if you fail to give them this uplift in their livelihood, if you fail to raise their economy, if you do not give them a stable livelihood, and if you do not give them an ensured future prospects, not only for themselves but for the generations to come, no number of Bills of this nature will save the Alliance Party in the next election. Sir, I, therefore, commend that admittedly this particular Bill for its limited objectives serves a definite purpose: it shows that the Alliance too is aware that there are many gaps to be filled, but unless the Alliance Government immediately set up this Committee of Enquiry and mobilise the whole of this nation, rural and urban, to have a new concept of land reforms in this country, I think that the First Malaysia Plan will fail. I do not wish to be a prophet of doom but the subsistence levels of the people in the rural areas are now so low—they say that the income they earn from their own land and from their own hard work is so low between proper subsistence level and undernourished conditions—that the Alliance Government cannot afford to fail the people of this country. Sir, the silent revolution which I have mentioned earlier could well turn into a very much more volatile and explosive situation, if the Alliance Government does not take the situation very much more seriously into consideration and does not tackle the problem of rural upliftment and upliftment of the people in the rural areas by small little Bills instead of providing the dynamic vital leadership which is necessary at this time of our nation's history.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Saya bangun ada-lah mengalu² dan menyokong Rang Undang² yang

di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Tanah dan Galian. Saya chuma hendak menarek perhatian dalam penerangan Yang Berhormat sewaktu membawa bil ini dalam perkara 'am. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² ini memang sangat di-tunggu² oleh ra'ayat luar bandar supaya dapat perubahan yang concrete berhubung dengan tanah. Saya turut mengambil bahagian ini dengan satu perkara yang hendak saya sentoh ia-itu berhubung dengan pemulehan tanah. Saya membangkitkan pemulehan tanah ini sa-lain daripada tanah² lama yang maseh buntu ra'ayat bagaimana hendak memugar-nya. Di-samping itu banyak sungutan dan kehampaan ra'ayat berhubung dengan permohonan tanah yang belum dapat di-selesaikan memakan masa, bukan dua tahun, bahkan berpuluh² tahun, walau pun saya sedar bahawa berhubung permohonan tanah ada-lah kuat kuasa Negeri. Sejak Kerajaan melancarkan Rancangan Lembaga Kemajuan Tanah dan Rancangan Tanah Pinggir dan tanah² yang terkawal, maka usaha Pejabat Tanah hanya di-pusatkan kejurusan ranchangan² yang tersebut. Dari jumlah yang ramai menunggu kelulusan permohonan tanah, istemewa sa-kali ra'ayat jelata yang miskin, yang tidak berupaya hendak memberikan perkembangan negara kita sekarang, kalau hendak mendapat satu kelulusan tanah mesti ada sumbar melalui wang. Oleh itu saya mengeshorkan kepada Kerajaan supaya dapat menubuhkan sa-buah Jawatan-kuasa penyelesaian tanah dengan maksud dapat melichinkan pelaksanaan Undang² Tanah ini dengan kerjasama Kerajaan tiap Negeri.

Saya menarek perhatian Jawatan-kuasa ini kalau dapat di-tubuhkan di-peringkat negeri yang mengandongi anggota² ahli EXCO Kerajaan Negeri itu, Pesuruhjaya Tanah, dan Ketua Pejabat Ukur negeri itu dan peringkat daerah-nya mengandongi Pegawai Daerah, Pemungut Hasil Tanah, wakil² ra'ayat, badan ini tujuan-nya supaya dapat menerima aduan² dan rayuan² ra'ayat seluruh-nya berhubung dengan permohonan tanah yang sudah ditumpukan berbelas² tahun bagaimana saya sudah chakapkan.

Yang kedua, Dato' Yang di-Pertua, berhubung dengan penyatuan tanah. Walau pun perkara ini telah di-chakapkan oleh Ahli² Yang Berhormat, kita mengerti bahawa kemerosotan ekonomi orang² Melayu dalam segi tanah ialah dengan sebab pemulahan tanah berhubung dengan pembahagian tanah pesaka. Tetapi pada masa itu, menurut pendapat saya, bahawa Kerajaan tidak mendorong dan menggalakkan ra'ayat mempunyai sa-buah kawasan tanah dengan chara penyatuan atau dengan chara bersharikat. Jadi dengan adanya Undang² Tanah ini, saya memandang bahawa ajaran Islam itu tidak menegas umat² Islam memileiki sa-buah tanah dengan bersharikat bersatu bahkan ada yang mengatakan bahawa dengan adanya Undang² Fara'id, dalam Islam itu-lah yang menjadi puncha pemecah tanah orang² Islam. Saya tidak memandang dari segi itu. Saya memandang bahawa pusaka itu atau Undang² Fara'id itu hanya dapat menentukan hak sa-orang warith apabila tuan tanah itu mati.

Berhubung dengan penyatuan—ini ada-lah sangat baik. Daripada penyatuan ini mereka boleh mendapat beberapa kehasilan yang di-tentukan oleh Fara'id dan daripada situ juga dapat mereka tahu berapa banyak hasil daripada share yang dalam sa-buah kebun itu. Ini ada satu perkara yang patut saya bangkitkan. Kalau sa-buah tanah, umpama lima ekar, di-punyai oleh lima orang warith yang ada nama di-chatitikan dalam sa-buah geran.

Mr Speaker: Persidangan ini di-tempohkan hingga pukul 4 petang ini.

Sitting suspended at 1 p.m.

Sitting resumed at 4 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

THE NATIONAL LAND REHABILITATION AND CONSOLIDATION AUTHORITY (INCORPORATION) BILL

Second Reading

Debate resumed.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, menyambong ucapan saya pada tengah hari tadi, ia-itu bila mana

telah di-dapati kehasilan daripada pembahagian pusaka itu dengan di-sharikatkan bagi ahli² warith pada satu geran tanah. Umpama-nya geran itu lima ekar, dan mengandongi lima orang keluarga, maka saya mengharapkan bahawa keluarga ini dengan di-laksanakan Rang Undang² yang ada di-hadapan kita ini, supaya dapat satu kawasan tanah baharu sa-luas dua puluh lima ekar kalau bertanam getah, dan 45 ekar kalau bertanam kelapa sawit—ini berdasarkan pemberian tanah chara ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan dalam ranchangan tanah GSA, ia-itu di-bawah kelolaan Kerajaan Negeri—ada dua chara. Satu, yang mempunyai bantuan; dan satu, tidak mempunyai bantuan. Kita dapat melihat apa perlaksanaan yang telah berlaku. Ranchangan tanah GSA bagi orang² yang bukan Melayu ada-lah beroleh kejayaan. Tetapi, bila kita tinjau kembali ranchangan tanah yang di-bahagikan kepada orang² Melayu itu, tidak memuaskan dan banyak gagal pada kehasilan-nya. Terutama sa-kali pada ranchangan tanah yang ta' ada mempunyai bantuan. Saya harap dengan ada-nya Lembaga ini, Lembaga akan mengkaji sa-mula sebab-musabab, maka peserta² dalam ranchangan ini menjadikan gagal dalam usaha melaksanakan ranchangan tanah ini.

Saya pernah melihat satu kawasan yang besar—ranchangan GSA yang ta' ada bantuan, tetapi pada minat-nya peserta² ini memang orang yang hendakkan supaya tanah itu mendapat hasil sa-bagaimana yang di-maksudkan, tetapi oleh sebab keadaan hidup mereka, kais pagi makan pagi, terutama sa-kali kawasan ranchangan GSA itu jauh daripada kampong mereka. Jadi apa yang saya nampak, kalau boleh pehak Kerajaan memberikan bantuan chara pinjaman kepada ranchangan² yang disebutkan ini, sa-kurang²-nya pada satu ekar, saya berpendapat, empat ratus ringgit, baharu-lah dapat di-sempurnakan mengusahakan ranchangan ini. Apa yang mereka harapkan daripada wang yang saya gambarkan itu ia-lah untk mengupah menebang, menebas, membahagi rachun, baja dan kachang² tutup bumi.

Sa-lain daripada itu, saya chuma hendak menarek perhatian Yang Berhormat Menteri ini, sa-belum daripada Rang Undang² kita ini di-bawa ka-dalam Dewan ini dan ada ura² kelulusan, ura² hendak di-kemukakan ka-dalam Dewan ini, telah di-dengar oleh seluroh ra'ayat dalam Malaysia ini, maka timbul-lah satu kejadian yang baharu, dan perkara ini saya harap pehak Kerajaan dapat memandang dengan berat. Apa dia kejadian baharu yang saya sebut itu, ia-lah pencherobohan tanah oleh kapitalist. Pencherobohan ini, Tuan Yang di-Pertua, mereka dengan gagah dan berani-nya mencheroboh tanah Kerajaan tanpa kebenaran dengan membawa buldozer, membawa tractor—menebang, menebas kawasan tanah Kerajaan itu. Apa yang kita dapat tahu, ini ada-lah di-lakukan oleh satu kumpulan kapitalist, yang dalam negeri ini mensador mendapatkan tanah ini dengan nama ra'ayat yang ta' ada mempunyai tanah. Mereka pula berani menghadapi perbicharaan di-mahkamah dengan sebab kerja² yang di-buat itu. Mereka dapat memahami kira-nya Kerajaan akan mendenda mereka maka tanah ini, harapan-nya, Kerajaan akan bertimbang rasa kapada-nya memberikan kepada gulongan kapitalist ini. Ini terjadi bukan sahaja dalam negeri Johor—telah terjadi dalam negeri Perak.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya chuma hendak menyentoh ucapan Yang Berhormat daripada Bachok yang telah membangkitkan perkara fatwa Mufti Kerajaan negeri Johor, berhubung dengan pengharaman buku Islam yang hendak di-bawa masuk ka-dalam negeri Johor. Saya, sabagai ra'ayat dalam negeri itu, ada-lah menyekali keterlaluan atas apa yang di-ucapkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kerana, bagaimana kita sudah ma'alum, bahawa kuat-kuasa agama ada-lah terpulang kepada sa-buah negeri, dan kepada Duli Yang Maha Mulia Raja² Melayu. Fatwa ini di-ishtiharkan terbit daripada kajian yang lanjut atas buku Islam itu daripada badan 'alim Ulama negeri Johor yang di-kuasai oleh Kerajaan negeri itu. Maksud dan tujuan-nya supaya tidak-lah ra'ayat negeri Johor khas-nya, terpesong daripada ajaran² yang sa-benar

berpuncha daripada buku yang saya sebutkan ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan ucapan Yang Berhormat daripada Tanjong, mengatikan bahawa di-antara perkara yang memberatkan penanam² padi ia-lah pengeluaran zakat. Berhubung dengan pengeluaran zakat ini, menurut amalan atau kepatohan umat² Islam, mereka tahu, memberi zakat ada-lah salah satu daripada rukun² dalam agama Islam. Kerelaan mereka mengeluarkan zakat pada ini ia-lah sabagai ta'at budi-nya kapada Tuhan, lain-lah kalau Ahli Yang Berhormat, kalau ma'anusia yang ada mempunyai ideology yang tidak memperchayai Tuhan.

Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya sokong Rang Undang² ini. Terima kaseh.

Enche' Tajuddin bin Ali (Larut Utara): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Perikatan memang sedar dan insaf di atas kemiskinan orang² di-luar bandar, khas-nya orang² Melayu—pak² tani sakalian.

Rang Undang² yang di-hadapan kita ini, saya rasa dan saya sebutkan, ia-lah satu langkah lagi di-jalankan oleh Perikatan menuju ka-hadapan untuk membantu orang Melayu di-luar bandar bagi mereka itu mendapat sara hidup dan nasib yang lebeh baik lagi pada hari yang akan datang. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan kuat-nya menyokong Bill yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri. Di-kampong², Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah ada sa-ratus orang berchakap, boleh-lah di-katakan 98% perchakapan mereka, perbualan mereka, berpusing di-atas satu soal sahaja ya'ani soal tanah. Jadi, dengan langkah baharu yang di-jalankan oleh Kerajaan Pusat, menerusi Kementerian Tanah dan Galian ini, maka saya per-chaya ta' dapat tiada, ra'ayat di-luar bandar akan memerhatikan dengan segala teliti dengan harapan yang penoh samoga nasib mereka itu dapat di-bela dengan sa-chepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Perikatan ada bermacham² ranchangan, daripada satu masa ka-satu masa, untuk memperbaiki, dengan matala-mat yang satu, ia-itu memperbaiki

kedudukan orang² di-luar bandar dan khas-nya berkenaan dengan tanah ranchangan pertama ia-lah seperti FLDA, Ranchangan Terkawal dan Ranchangan Pinggir dan sakalian-nya. Saya, daripada kawasan Larut Utara, menguchapkan ribuan terima kaseh kepada Kerajaan kerana mengadakan satu ranchangan berbesaran dan saya sangat bangga kerana ranchangan FLDA di-kawasan saya itu, ia-lah mendapat kejayaan sa-ratus peratus. Maka di-sini saya suka menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat daripada Dato Kramat, barangkali sa-tahun dua dahulu beliau menyatakan ranchangan FLDA ini membazir, membuang duit, penoh dengan lalang. Hari ini dia tidak menyatakan fasal lalang pun, sa-helai lalang pun dia tidak cheritakan bahkan mengatakan ranchangan FLDA ini tidak memberi keuntungan dengan sa-penoh²-nya kepada orang Melayu di-luar bandar, tetapi Bill ini, Tuan Yang di-Pertua, menyatakan dengan tegas dan dengan berani-nya ia-itu Kerajaan Perikatan tidak suka berselindung di-sabalek telunjuk, Kerajaan telah menyatakan dalam Explanatory Statements, ada-lah FLDA telah mendapat kejayaan, tidak pun 50% tetapi telah mendapat kejayaan. Maka oleh sebab itu-lah bagi Ranchangan Malaysia Yang Pertama, satu langkah yang baharu akan menambah, maka dengan ini ta' dapat tiada akan memberi keuntungan kepada orang² yang tidak begitu bernasib baik pada masa yang sudah².

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa hairan sedikit, kerana kalau kita menengok negeri² yang bertamadun, pak tani²-lah dalam satu society mendapat kejayaan, mendapat kehormatan, daripada segala kaum termasuk Kerajaan-nya. Ini termasuk Taiwan sendiri, Tuan Yang di-Pertua, tetapi bagi Malaysia kita ini, satu negara yang di-beri oleh Tuhan banyak dengan chahaya, mata hari banyak ayer, banyak hujan, tetapi pak² tani tidak begitu bernasib baik. Saya chari²-lah apa-kah sebab-nya. Saya rasa perkara ini tentu-lah berkaitan dengan pelajaran pak² tani, barangkali pelajaran mereka itu tidak begitu baik dan juga chara² mereka itu menjalankan pertanian. Saya maseh lagi tidak percaya kepada rakan² saya

yang mengatakan orang² kita dahagakan tanah. Saya percaya, tetapi tidak sa-penoh-nya, Tuan Yang di-Pertua. Perkataan slogan dahagakan tanah itu, saya tidak percaya dengan sa-penoh²-nya. Saya kata dengan terus terang di-sini, Tuan Yang di-Pertua, orang² kita—pak² tani kita—menjalankan chara pertanian dengan teknik yang tidak begitu baik, tidak begitu terator.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-orang pak tani menjalankan usaha dan tenaga-nya di-atas sa-bidang tanah, kata-lah 3 ekar, tidak usah sa-tahun ia-itu 365 hari, bahkan kata-lah 10 bulan dalam satu tahun, maka ta' dapat tidak kedudukan pak² tani itu, seperti yang telah di-janjikan oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, boleh mendapat \$300 sa-kurang²-nya pada tiap² bulan. Tetapi apatah daya, Tuan Yang di-Pertua, pak² tani kebanyakan-nya bekerja 5 bulan dan tidor 7 bulan. Tuan Yang di-Pertua, ini mesti di-perbaiki oleh Menteri yang berkenaan. Maka saya rasa kalau-lah chara itu di-perbaiki, maka mewah-lah pak² tani kita sakalian.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara saya hendak mendatangkan shor di-sini ia-lah bagi kawasan² bendang. Saya mengambil chontoh di-sini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah kawasan persawahan di-Krian. Dua perkara yang penting kita hendak jayakan tanaman dalam satu kawasan padi, ia-itu bendang yang baik dan ayer-nya chukup. Malang-nya, di-Krian sana, Tuan Yang di-Pertua, ayer-nya banyak, tanah-nya banyak, tetapi tidak di-gunakan begitu dengan baik dan terator. Di-kalangan begitu luas penanam padi, kita tengok pula tanaman getah dan sabagai-nya terutama sekali getah, Tuan Yang di-Pertua.

Saya harap Menteri yang berkenaan akan mengambil perhatian di-atas perkara ini. Kita tengok pokok² getah di-sana tidak subur, kerana kita tengok akar-nya pun naik ka-langit dan pokok-nya senget, chondong dan tidak tentu hala. Saya mendatangkan shor di-sini, Tuan Yang di-Pertua, semoga Kementerian yang berkenaan berpakat dengan tuan estate² yang begitu besar dengan tujuan sedikit demi sedikit tanah²

estate itu di-jadikan kesemua-nya kawasan persawahan, tidak ada ma'ana-nya kita simpan kebun getah di-situ, Tuan Yang di-Pertua, kerana ayer susah dapat, Kerajaan Jabatan Parit dan Tali Ayer—membelanjakan berjuta² ringgit kerana mengadakan kawasan ayer di-Bukit Merah, tetapi ayer itu tidak di-gunakan dengan sa-penoh²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju sangat dengan ucapan yang di-datangkan oleh Yang Berhormat wakil Dato Kramat, menyata-kan anak² muda kita, daripada laki² dan perempuan, datang berhijrah ka-pekan². Mengapa tidak, mengapa di-tahan, mengapa di-halang, adakah pekan itu, kawasan bandar itu, yang di-penohi oleh lampu yang berwarna warni, di-punyai oleh satu kaum? Kami daripada Kerajaan Perikatan hendakkan mereka itu berchampur gaul, kalau ada rumah pangsa mari kita dudok sama, susah kita sama² susah, senang kita sama² senang. Ini ia-lah dasar saya rasa dasar Kerajaan Socialist di-mana di-belah bagikan senang di-tempat senang bagi satu kaum dudok, di-tempat susah bagi satu kaum lain dudok. Ini berlawanan dengan kedudukan perjalanan Kerajaan Perikatan kita. Saya rasa biar-lah Socialist Front sahaja membawa ajaran dan fikiran itu. Dan lagi beliau telah menyatakan kita mesti paksa orang² yang mempunyai tanah atau pun harta banyak memberi kapada pehak yang tidak begitu nasib baik.

Saya di-sini pun sa-lagi Kerajaan Perikatan memerintah, kerja chara memaksa itu tidak akan timbul. Saya berpendapat dahulu, Tuan Yang di-Pertua, chuma Kerajaan kominis sahaja yang mendatangkan paksa dan dengan jalan itu mendatangkan sangsara kapada ra'ayat jelata. Kami tidak mendatangkan paksa. Di-dalam Bill ini kita dengan tegas-nya menyatakan kita pakat, maufakat, untuk kebaikan bersama, oleh sebab itu-lah saya sokong penoh Bill ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mendatangkan satu pertanyaan kapada Menteri yang berkenaan ia-itu apabila tanah² yang di-luar bandar atau dalam bandar sudah tetap di-buat satu ranchangan, mithal-nya, bagi petani²,

tanah², tanah² Kerajaan di-dalam bandar itu apa-kah tujuan beliau? Adakah beliau hendak membuat rumah pangsa, rumah perniagaan untuk, umpama-nya, bumiputra dan sa-bagai-nya. Saya harap mendapat penjelasan di atas perkara ini. Dan segala tanah² yang di-punyai oleh orang miskin yang saya tengok di-sana sini kosong di-dalam bandar, saya harap Menteri itu dapat mengambil perhatian atau pun langkah supaya tanah² itu di-bena bangunan atau pun di-gunakan untuk faedah ra'ayat jelata sakalian.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyentoh ucapan wakil daripada Bachok mengatakan sawah kita itu, kalau kita usahakan terus menerus satu tahun—dan ini bertentangan sangat dengan pendirian saya, Tuan Yang di-Pertua. Kata-nya barangkali dengan tegas-nya dia menyatakan samalam *erosion* akan timbul. Saya tidak tahu di-mana dapat pelajaran *erosion* di-dalam bendang, saya bersetuju dengan beliau *erosion* ada datang sadikit di-dalam bendang, oleh sebab bendang di-Malaysia kita, Tuan Yang di-Pertua, tanah-nya rata, tanah-nya rata saperti kain puteh, mana ada *erosion*, barangkali ada sadikit tidak banyak barangkali beliau maseh berfikir bendang² yang di-jalankan oleh pehak Indonesia di-lerengan bukit dan sa-bagai-nya. Tetapi di-sini saya rasa tidak ada *erosion*—tidak ada perkataan *erosion* itu tidak betul saya rasa dan tidak patut di-pakai untuk pak tani² kita di-Malaysia kita ini.

Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik Rang Undang² tanah ini, kerana pada keseluruhan Rang Undang² ini banyak-lah yang akan mengena pak tani² khas-nya bagi negeri Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita kaji usaha² tiap² negeri di-dalam Malaysia ini, maka di-dapati Perlis-lah sahaja sabuah negeri yang 90% ra'ayat²-nya bergantung kapada pertanian. Dan begitu juga negeri Perlis sahaja-lah di-dalam Malaysia yang boleh di-katakan 90% pertanian. Maka oleh sebab itu, saya akan chuba menerangkan dengan serba ringkas-nya berkenaan dengan

penderitaan² pak tani di-dalam negeri Perlis, dan begitu juga berkenaan dengan perkara² yang bersangkutan, ada baik-nya dan ada tidak baik-nya di-dalam Rang Undang² ini. Sa-bagaimana yang saya sebut tadi, bahawa Perlis ada-lah sa-buah negeri kecil yang hanya luas-nya 300 batu persegi. Di-dalam kawasan yang tersebut, Perlis mempunyai penduduk sa-banyak 110 ribu pada hari ini, dan harus bilangan itu akan meningkat lagi bagi satu masa yang akan datang, tetapi jika di-bandingkan dengan penduduk yang 110 ribu dengan kawasan² yang boleh di-jadikan kawasan tani atau kawasan tanaman padi, hanya sa-banyak 80 ribu ekar sahaja. Jadi berma'ana-lah, jika kita pukul rata, pada hari ini bahawa tiap² satu keluarga pak tani tadi tidak dapat satu ekar pada satu orang. Jadi dengan hal yang demikian, banyak-lah yang menjadi kesukaran² kepada pak² tani tadi, dan tanah yang 80 ribu ekar tadi terbahagi kepada dua jenis, ada tanah yang tinggi dan ada tanah yang rendah. Bagi tanah yang rendah, maka itu-lah yang sa-baik² tanah yang boleh di-jadikan sa-benar²-nya kawasan sawah atau kawasan tanaman padi dan bagi kawasan tanah yang tinggi, maka ini kerap kali-lah meminta bantuan daripada Kerajaan Pusat dan saya tahu pada tahun ini Kerajaan Pusat telah memberi bantuan sa-banyak \$50 ribu untuk menolong pak² tani tadi bagi tanah kawasan-nya yang tinggi itu kerana kekeringan ayer. Dan pertolongan yang tersebut di-kehendaki daripada satu masa ka-satu masa kepada Kerajaan Pusat. Jadi kalau sa-chara ini, tentu-lah akan tidak menguntongkan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dan begitu juga tidak akan memberi keuntungan juga kepada pak² tani. Dan bagi kawasan yang rendah, banyak-lah penderitaan² yang sedang berlaku ka-atas pak² tani di-dalam negeri Perlis, umpama-nya, bagaimana saya telah pernah juga berchakap, Tuan Yang di-Pertua, seperti soalan jual janji, soalan padi kuncha, soalan barang² kuncha, soal makan. Sekarang ini pak² tani dinegeri Perlis sedang menggunakan barang² kuncha, pergi kedai ambil barang, pergi ka-kedai ambil barang, jadi begitu-lah pada hal padi belum mengeluarkan hasil, tetapi perut hendak

makan, jadi terpaksa-lah walau mahal macam mana pun terpaksa-lah pergi ka-kedai untuk menggunakan barang² kuncha tadi.

Kemudian sa-lain daripada itu ada juga chara sewa gelap; walau pun Kerajaan telah membuat peratoran bahawa tuan² tanah dan ahli² penyewa berjanji sekian² banyak sewa-nya terpaksa di-bayar tiap² satu relong biasa-nya \$50 penyewa tetapi sewa chara gelap yang mana tekanan daripada tuan² tanah tadi, kalau engkau hendak aku punya tanah, engkau mesti membayar sa-kurang²-nya tiga tahun dahulu sewa-nya. Jadi kalau keadaan samacham ini berlaku, tentu-lah keadaan pak² tani bukan-lah makin sa-hari samakin baik bahkan makin sa-hari samakin burok memandang kapada bertambah-nya bilangan penduduk² dalam Malaysia ini.

Kemudian, sa-lain daripada sewa gelap sekarang pergi kapada tractor kuncha. Jadi, panggil satu tractor menyuroh tanam padi—di-bajakkan tanah dia kemudian tuan tractor itu kata, "tidak apa duit kemudian kira. Benarkan saya menjalankan kerja." Jadi, bagini-lah banyak berlaku. Habis-lah masalah tractor kuncha, kemudian keluar pula baja kuncha.

Jadi bagini-lah, Tuan Yang di-Pertua, penderitaan pak² tani di-dalam negeri Perlis. Jadi oleh kerana itu, sa-bagaimana saya sebutkan tadi, di-dalam Bill ini, walau pun kalau kita pandang daripada keseluruhan-nya, kita akan dapati ada serba kekurangan, tetapi sa-bagai permulaan tentu-lah ada juga harapan bagi pak² tani bagi masa yang akan datang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam menyambut baik Rang Undang² ini, saya suka-lah juga mendatangkan fikiran kapada Menteri yang berkenaan. Saya dapati bahawa Kerajaan Pusat telah mengirim pakar² untuk menyiasat tanah bagi tanaman tebu. Dan saya menyambut baik-lah dan pakar² ini telah juga membuat lawatan ka-dalam negeri Perlis dan saya fikir ada-lah satu chara yang baik, jikalau dapat lembaga ini memikirkan bahawa tanah² yang tinggi, yang tidak begitu mendasap hasil padi yang baik, maka tentu-lah lebeh berfaedah kalau tanah² itu

di-galakkan supaya mengadakan tanaman tebu. Jadi dengan chara yang demikian, akan memberi lebeh perolehan² kepada pak² tani yang pada masa ini hidup mereka boleh di-katakan sentiasa di-dalam kegelisahan. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, tahu-lah sawah ini sa-mata² berharap kepada hujan atau ayer daripada langit pada masa sekarang ini. Jadi tidak ada jaminan, kalau sa-orang pak tani itu memajak, tetapi dia belum tahu lagi hasil-nya bagi masa yang akan datang. Sa-kali pun ada ranchangan yang pernah kita dengar ia-itu ranchangan Muda River Scheme yang akan membawa ayer itu masuk ka-dalam negeri Perlis, tetapi ini patut-lah kita fikirkan bahawa kebanyakan pak² tani tadi dudok atau bekerja di-atas tanah sewa walau dimasokkan tiga kali atau empat kali di-tanam pada satu tahun, bagi tuan² tanah maka sudah tentu-lah dia berkehendakkan sewa juga di-atas tanahnya itu. Kalau pak² tani bekerja pada satu tahun tiga kali, maka tuan tanah berkehendakkan sewa tiga kali juga pada satu tahun. Jadi dengan tuan² tanah ini yang lebeh menguntongkan, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah bukan pak tani, yang lebeh menguntongkan bahkan tuan² punya tanah. Kalau ranchangan itu sungguh akan sampai negeri Perlis ini patut-lah mendapat perhatian kepada Menteri yang berkenaan bahawa bagaimana chara supaya dapat kita memberi sa-benar² keuntongan dan faedah itu kepada pak² tani. Jadi walau bagaimana sa-kali pun sa-bagai permulaan, Rang Undang² ini tentu-lah akan, macham mana saya katakan tadi, akan mendatangkan harapan yang baik pak² tani pada masa akan datang dan saya yakin supaya Rang Undang² ini bukan-lah sa-bagai kitab suchi Quran tidak boleh di-pinda, tentu-lah dapat di-pinda dari satu masa ka-satu masa yang mana akan dapat menyelesaikan masalah² yang sedang di-tanggung oleh pak² tani pada masa sekarang ini, terutama sa-kali pak² tani yang ada dalam negeri Perlis. Jadi sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud (Johor Bahru Barat): Yang Berhormat Tuan yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang² ini dan kebijaksanaan

Kerajaan kita mengadakan Undang² ini. Saya hendak bahath dalam perkara ini sedikit sahaja. Di-kawasan saya, banyak daripada pekerja² di-ladang getah terdiri daripada orang² Melayu, China dan India, biasa-nya bekerja di-ladang². Ada sa-tengah dari pada sa-tengah-nya sudah bekerja berpuluh tahun hingga sampai umur 50 tahun dan bersara. Masa saya melawat di-kawasan saya sana, banyak juga peladang² yang bersara lebeh daripada umur 50 tahun, mereka tidak terdaya lagi, mereka itu dudok menumpang; sa-tengah daripada sa-tengah dapat bantuan daripada Pejabat Kebajikan Masharakat. Dan juga sa-tengah²-nya yang mempunyai anak yang ada bekerja di-sana, dapat-lah berlingong dengan anak-nya. Ini keadaan yang menyedehkan. Jadi banyak-lah mereka yang datang mengadu dengan saya. Pada fikiran saya, suka-lah saya mengeshorkan kepada badan lembaga ini supaya dapat membeli ladang² getah itu, sebab baharu² ini Mountain Austin Estate di-Teberau ia-itu dalam kawasan saya. Ladang ini telah di-jual kepada sa-orang hartawan daripada Singapura, kalau tidak salah, lebeh kurang dengan harga \$4 juta. Tanah luas 3,000 ekar, tetapi malang-nya saya tidak dapat tahu, apabila sudah di-jual baharu-lah mereka itu datang mengadakan kepada saya, jadi tidak-lah dapat saya bawa perkara ini kepada pehak Kementerian yang berkenaan. Kalau-lah Kerajaan kita hendak mengambil berat di-atas penduduk² di-mana kawasan dalam Malaysia ini bukan-lah hendak nasionalisekan ladang² itu—tidak! Tuan² punya ladang yang suka hendak jual, boleh-lah bagi pehak Kerajaan membeli tanah²—ladang² itu—dan di-jual kepada pekerja² di-situ mengikut dasar pembangunan luar bandar. Ini ada baik-nya, sebab apa, ladang tersebut itu mempunyai barracks tempat tinggal dan pejabat², injin² getah dan lengkap semua sa-kali dan mengeluarkan hasil yang boleh membayar balek dengan di-kira dalam masa tempoh 10 tahun, wang yang di-bayar untuk membeli tanah itu boleh kembali sa-mula, tidak menunggu sa-bagaimana pembangunan luar bandar. Dan sa-tengah daripada ladang yang di-jual itu di-tanam dengan getah

baharu. Ini keadaan sangat molek, dekat dengan bandar, seperti yang saya ceritakan tadi. Jadi berharap-lah saya kepada Kerajaan atau kepada lembaga ini menyiasat dan mengambil tahu jika ada ladang² yang hendak di-jual, di-beli ladang itu dan di-beri pertolongan kepada kaum² peladang yang bekerja di-situ sa-bagaimana ranchangan FLDA. Saya perchaya dengan ada-nya sa-macam itu, maka dapat-lah kelapangan dan harapan bagi pekerja² yang bekerja berpuluh² tahun itu mempunyai ladang sendiri.

Kita boleh ikut dengan chara Co-operative atau Sharikat Kerjasama di dalam landang² yang tersebut itu.

Saya tidak-lah beruchap panjang, saya berharap sa-kali lagi bagi pehak Lembaga yang akan datang ini, membeli, mana ladang² itu yang hendak di-jual supaya dapat di-beri kepada pekerja² tempat itu. Terima kaseh.

Mr Speaker: Saya fikir, ma'af, Yang Berhormat telah berchakap atas Bill ini pada hari sa-malam? Tidak? Belum lagi? Baik-lah!

Enche' Hussein bin To' Muda Hassan (Raub): Tuan Yang di-Pertua, saya chuma sedikit sahaja hendak berchakap. Bagi pengetahuan dan pendapatan saya sendiri, perlaksanaan Rang Undang² ini bergantung di-atas kerjasama Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Pada teori-nya, Bill ini sangat baik. Tetapi saya suka hendak mengingatkan kepada Kementerian ini, satu perkataan yang timbul pada satu musim pemerentahan dahulu, ia-itu awak besar-kah saya besar-kah! (Ketawa). Jadi kalau Kerajaan Pusat kata dia besar, Kerajaan Negeri kata dia besar, jadi Bill ini macham mana kita hendak jalankan? Jadi ini oleh sebab saya berkata begitu, pada masa kita meluluskan Rang Undang² Tanah Kebangsaan pada persidangan yang dahulu, saya telah mengemukakan dua tiga soalan terhadap Menteri ini. Dia jawab, "Saya takut kepada Ketua² Menteri dan Menteri² Besar marah kepada saya". Sekian, terima kaseh.

Enche' Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang² Pemulehan Tanah Kebangsaan

dan Lembaga Penyatuan ini, bagi pehak negeri Melaka memang sedia ma'alum, tanah telah berkurangan. Tanah yang ada hanya tanah pusaka, tanah yang tua², dan Rang Undang² ini boleh jadi menguntungkan kepada penduduk negeri Melaka dapat menjalankan, memulehkan tanah² yang telah lama hidup dan hampir hendak mati.

Tuan Yang di-Pertua, hanya satu perkara yang mustahak saya nyatakan, kalau-lah wakil daripada Perlis tadi ada menyatakan Perlis mengadapi penyakit padi kuncha, di-Melaka tidak kurang ada penyakit-nya, terutama sa-kali dalam kawasan saya di-sa-belah pantai ia-itu bukan padi kuncha, tetapi pajak batang pun ada, pajak bunga pun ada, pajak buah pun ada.

Ini lebeh dahshat daripada padi kuncha. Jadi, tuan² tanah yang sa-tengah-nya ada mempunyai tanah, hanya nama sahaja dia ada mempunyai tanah Hasil²-nya ia-lah telah di-gadaikan atau pun di-pajakkan kepada orang² tengah. Jadi dengan ada-nya Rang Undang² ini, pada pendapat saya sangat mustahak pehak Kementerian yang berkenaan membuatkan satu peruntokan wang, lebeh dahulu hendak-lah ditebus harta pekebun², penduduk yang ada di-Luar Bandar ini daripada orang² tengah yang telah memegang hasil² tanah, terutama sa-kali pehak orang Melayu sa-hingga baharu² ini ada musim duku, anak dia sendiri pun tak dapat hendak makan buah duku itu, kerana tanah-nya telah di-gadai atau di-pajakkan kepada orang tengah. Bagini-lah nasib sa-tengah² pekebun² yang ada dalam kawasan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman penduduk² di-luar bandar terutama sa-kali orang Melayu berhubung dengan hal kebun ini, sangat-lah menyedehkan, moga² dengan ada-nya Rang Undang² ini kelak dapat-lah tuan² punya tanah itu nanti, sa-benar²-nya akan mengechap ni'mat hasil tanaman daripada datok nenek-nya dahulu yang sedang sekarang di-kechep oleh orang² tengah yang saya sebut tadi. Sebab²-nya, tanah² ini tergadai, ta' payah-lah saya ceritakan. Kalau kesusahan itu berlaku di-Perlis sa-rupa-lah dengan di-Melaka, terutama sa-kali orang

Melaka ini ada satu tabi'at ia-itu diri saya sendiri-lah orang Melaka, kalau hendak membuat kerja kahwin, tanah pun harus kena gadai.

Tuan Yang di-Pertua, ini-lah harapan dalam menyokong Rang Undang² ini supaya dapat bokti yang Rang Undang² ini akan memberi guna, terutama sa-kali penduduk di-luar bandar dalam kampung saya sendiri, umpamanya, ada satu kawasan ta' kurang daripada 200 ekar, tanah ini maseh terbiar lagi. Di-harapkan Rang Undang² ini akan dapat memulehkan tanah yang saya sebut ini bagi contoh boleh Rang Undang² ini di-jalankan untuk faedah dan kebaikan penduduk luar bandar.

Dato' Mohd. Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, ada-nya satu Undang² Pemulehan dan Penyatuan Tanah Kebangsaan bagi negara kita ini, ada-lah satu perkara yang sangat mustahak dan mungkin dengan munchol-nya Rang Undang² Pemulehan dan Penyatuan Tanah Kebangsaan ini, sedikit sa-banyak akan dapat memberi atau memenohkan kepada kemustahakan ada-nya Undang² saperti mana yang saya katakan tadi. Akan tetapi saya suka-lah hendak berchakap sedikit sa-banyak, masalah² yang harus di-tempoh di-dalam perlaksanaan bagi Rang Undang² ini. Kita terpaksa membahagikan Rang Undang² ini kepada dua bahagian. Yang pertama ia-lah Pemulehan atau Rehabilitation dan yang kedua ia-lah Penyatuan. Pada faham saya, kedua² perkara ini sudah berlainan ka'edah dan chara-nya serta berlainan tujuan.

Yang pertama, berkenaan dengan pemulehan atau rehabilitation, ini satu perkara yang sudah sampai masa-nya pehak Kerajaan memberikan perhatian yang berat kepada pekerjaan² pemulehan ini, sebab di-samping usaha² pembahagian tanah kepada ra'ayat, maka sa-bahagian besar daripada tanah² ra'ayat di-merata² kampung ada-lah terbiar, terutama-nya kebun², dusun, pokok² buah²an sudah tua dan sabagai-nya, tidak chukup dengan amalan² atau tugas² yang di-lakukan oleh Jabatan Pertanian sekarang ini. Jadi dengan ada-nya satu Lembaga bagi

mengatasi soal pemulehan tanah² kampung, tanah² ra'ayat yang banyak bersebaran dalam tanah ayer kita ini, ada-lah satu perkara yang sangat mustahak dan pokok yang utama-nya ia-lah soal penyeliaan wang yang chukup bagi mengatasi kerja² yang besar ini.

Ada pun berkenaan dengan soal penyatuan atau pun consolidasi, ini-lah satu perkara yang pada pandangan saya banyak menimbulkan problem atau pun masalah. Kalau kita perhatikan keadaan orang² kampung pada masa sekarang ini, pada masa dahulu juga, memang ada-lah sulit—soal hendak menyatukan kedudokan tanah² mereka. Katakan-lah satu family yang ada mempunyai tanah dusun hanya satu ekar, bendang padi itu hanya satu ekar dan ada family yang lain pula yang mempunyai 1½ atau sa-bagai-nya, maka hendak menunjukan kepada semangat Rang Undang² ini, semangat consolidation, semangat penyatuan kepada tanah² itu, maka terpaksa-lah salah satu daripada family tadi mengorbankan kedudokan-nya di-atas hal tanah-nya sendiri, ya'ani dengan jalan membenarkan pehak Kerajaan melakukan penyatuan tanah tadi dan dia menerima, kata-lah pembayaran sugu hati di-atas harga tanah itu mengikut nilaian pada masa itu. Soal-nya bagini, kaum tani yang hidup, walau pun di-dalam kawasan yang begitu sempit dengan tanah ½ ekar, bila dia menerima wang terpaksa menchari satu kawasan yang lain, terpaksa mendapat satu tanah yang lain bagi meneruskan kehidupan-nya. Dia yang biasa hidup dengan tanah ini sampai bila pun dia terpaksa-lah chari satu kawasan tanah, sebab tanah sahaja-lah sa-bagai satu pengalaman hidup-nya bagi memberikan kehidupan-nya dan kepada keluarganya. Bila mana soal ini berjalan dengan chara yang demikian, maka kesulitan yang besar bagi keluarga atau family yang hendak menchari tapak yang baharu bagi mendapatkan tapak hidup-nya, tapak pekerjaan-nya, ada-lah terlalu berat. Kita perhatikan sekarang sahaja, Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kiri-nya pehak Kerajaan menghendaki mengambil balek mana² tanah bagi menjalankan kerja² pembangunan, sama ada membuat tapak

bagi pusat² kesihatan atau pun seko-lah² atau pun mengambil balek tanah-nya, kerana meluas atau membuka jalan² baharu, maka dia terpaksa ber-edar menchari tanah² yang lain bagi menggantikan tanah² yang telah di-ambil oleh Kerajaan itu dan biasa-nya sa-bahagian daripada mereka itu keche-wa daripada mendapat tanah² yang sesuai untuk mereka. Sementelah pula, Tuan Yang di-Pertua, bila mana dasar hendak menyatukan tanah² yang kecil ini supaya dapat di-samakan atau di-sampaikan kepada taraf economic hold-ing, umpama-nya, maka kesuluruhan-nya ra'ayat banyak yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada tabi'at yang kita perhatikan ada kepada orang² kampung kita ia-lah mereka rela dengan tanah itu walau pun sedikit, dan mereka sangat-lah dukachita tanah mereka yang sedikit itu di-ambil, walau pun dengan chara pembayaran yang lumayan. Jadi hal ini, Tuan Yang di-Pertua, satu masaalah yang, saya rasa, walau pun kita pandang kecil, akan tetapi menjadi satu perkara yang sangat besar, yang akan di-hadapi oleh Lem-baga ini kelak dengan kelulusan Rang Undang² ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbalek soal penyatuan tadi, saya suka menambah-kan lagi kenyataan bahawa walau bagaimana sa-kali pun pehak Lembaga atau pun pehak Kerajaan ini terpaksa-lah memikir dengan halus-nya bagi menjalankan pelaksanaan penyatuan (consolidasi) atas tanah² ini. Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya kita hendak menjalankan kaedah² penyatuan tanah ini mengikut asas² economic holding, maka kita akan menemui banyak kebuntuan dalam pekerjaan ini. Mengikut kaedah economic holding itu, tiap² sa-orang mesti-lah ada memi-leki, tiap² satu keluarga atau family, mesti-lah ada memi-leki sa-banyak sa-kurang² sa-puluh ekar tanah, ya'ani enam getah, dua dusun, dua padi, untuk memenohi kehendak² yang sa-perti ini. Saya perchaya harus-lah lebeh daripada sa-paroh pemilek² tanah di-merata cherok dalam negeri ini akan tidak jadi bagi pemilek² tanah.

Soal yang besar-nya, bagaimana pula dengan keadaan orang² yang telah me-mi-leki tanah lebeh daripada nilai yang

di-kehendaki dengan economic hold-ing? Penyatuan dari yang kecil supaya menjadi yang sederhana sesuai dengan kehendak asas² ekonomi dan dengan demikian menjadikan sa-baha-gian daripada mereka yang terkorban kerana hendak menyatukan, kerana hendak membuat sa-suatu kesesuaian di-atas asas² ekonomi tadi, maka menam-bahkan bilangan orang² yang tidak mempunyai tanah, sedangkan pemilek² tanah yang lebeh daripada asas² eco-nomic holding maseh banyak dalam negeri ini. Jadi, saya rasa perlu-lah pehak Menteri Yang Berhormat ini meninjau dengan lebeh jauh dan lebeh mendalam akan masaalah kemashara-katan, masaalah ekonomi di-luar bandar ini ia-itu masaalah tanah ini-lah khusus-nya dengan chara yang mendalam.

Saya perhati, Tuan Yang di-Pertua, pada muka 2, ia-itu pada perenggan 4, tentang soal perenggan 4 (b) kata-nya sa-barang permohonan² daripada tuan punya tanah, maka terhadap soal kepada Lembaga ini, maka kesemua sharat² dan segala² chara-nya mesti-lah ada persetujuan, sama di-antara pemilek tanah atau pun orang yang punya tanah dengan pehak yang ber-kuasa, ta' tahu-lah kalau kita kata itu ia-lah kuasa negeri. Tetapi kita patut-nya jangan-lah lupa sa-sudah saya mendengar penjelasan yang panjang lebar daripada Ahli Yang Berhormat daripada Perlis Utara baharu sa-bentar tadi tentang banyak-nya tuan² tanah yang memi-leki tanah² yang luas dan yang bekerja dalam negeri ia-lah penyewa²-nya sahaja. Maka kita tidak boleh lupa kepada penyewa² ini, bagai-mana boleh kita adakan perjanjian mengenai sharat², term, dan condition, antara tuan punya tanah dengan pehak yang berkuasa samata² dengan menge-nepikan penyewa² tanah itu yang telah hidup, kadang² ada yang turun temu-run hidup-nya dengan menyewa tanah² itu.

Pada hal sa-barang sharat (terms) atau pun conditions yang di-buat di-antara pehak tuan punya tanah dengan pehak yang berkuasa itu, yang terlibat ia-lah penyewa² itu sendiri. Ini satu masaalah yang harus di-fikirkan kalau hendakkan benar² Rang Undang² ini akan dapat memberikan faedah yang

merata, bukan sahaja kepada faedah tuan punya, tetapi faedah orang yang sa-lama ini mengusahakan tanah, mengeluarkan titek peloh-nya dan hidup di atas tanah itu sendiri.

Di-negeri Kelantan, Tuan Yang di-Pertua, orang² yang saperti itu tidak banyak, tetapi saya tahu tanah² padi sahaja, mithal-nya di-negeri Kedah dan negeri Perlis banyak benar-lah orang² yang hidup-nya dengan jalan menyewa, sama ada dengan pawah atau pun sama ada dengan jalan apa sahaja, tetapi yang di-maksudkan dalam istilah "menyewa," orang² yang saperti ini hendak-lah di-beri perhatian dan patut-lah orang² yang saperti ini di-bawa dalam perundingan sama supaya sharat² yang hendak di-persetujui di-antara tuan punya tanah dengan pehak yang berkuasa itu dapat di-terima dan bersesuaian dengan kehendak² penyewa itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, itu-lah sahaja yang saya dapat memberi pandangan, dan sa-belum saya menamatkan pandangan ini, saya suka juga memberi pandangan sedikit minta ma'af saya terlupa tadi— ia-itu nampak-nya undang² ini menjadi bagini nipis dan bagini kechil dengan kerana kaedah² pentadbiran dan chara²-nya sa-bahagian besar terta'alok kepada Undang² F.L.D.A. atau pun Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Boleh-lah kita katakan bahawa dengan chara yang demikian itu ada-lah satu chara yang paling ringkas dan mudah di-dalam menjalankan atau menyusun Rang Undang² ini, tetapi pada fahaman saya, pekerjaan² yang akan di-lakukan oleh authority Pemulihan dan Penyatuan Tanah Kebangsaan ini ada sedikit berlainan dengan soal kedudukan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Walau pun dalam soal pemberian wang pinjaman, interest, chara bayaran balek dan sa-bagai-nya harus ada persamaan, tetapi terpaksa-lah bila kita membentok satu undang² yang baharu saperti ini, hendak-lah di-kaji sa-belum daripada kita menyalin dengan sa-penoh-nya undang² yang sedang terpakai oleh satu lembaga yang lain yang ada pada masa ini, terutama sa-kali tentang soal kekechewaan atau pun soal kelemahan² yang ada dalam Undang² F.L.D.A. itu sendiri, sebab tidak

semua-nya perkara, walau pun badan mana sekali pun, yang boleh di-sifatkan berjalan dengan lancar atau pun tidak ada chachat dan tidak ada chedera-nya. Jadi berdasar atas belajar kepada pengalaman yang terdahulu, sudah saputut-nya-lah pehak Kementerian yang berkenaan itu sa-belum daripada menyusun Rang Undang² ini, meninjau dengan halus di-mana kelemahan, di-mana chachat dan di-mana kekechewaan atau kegagalan yang telah dialami oleh F.L.D.A. Maka dengan demikian dapat di-buat undang² yang lebeh kemas dan yang lebeh terator, sesuai dengan kehendak² rehabilitasi dan konsolidasi tanah negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, saya suka menyebutkan bahawa oleh kerana, saperti yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pahang baharu sa-bentar tadi, oleh kerana perkara pelaksanaan undang² ini ada-lah berhubung rapat dengan Kerajaan² Negeri, maka sudah-lah sapatut-nya suara Kerajaan² Negeri itu dapat sa-penoh-nya memainkan peranan di-dalam lembaga ini. Saya perhatikan dalam Perenggan², Cheraian (3) (e), tidak lebeh daripada 9 orang ahli² yang lain yang di-lantek oleh Menteri, yang mana 3 daripada-nya hendak-lah di-lantek oleh Majlis Tanah Negara yang mewakili Kerajaan² Negeri dalam Tanah Melayu. Saya rasa dengan jalan saperti ini sangat-lah tidak bersesuaian dengan semangat undang² ini yang menghendaki ada saling mengerti, persefahaman dan kerjasama yang lebeh irat di-antara pehak yang berkuasa Negeri dengan pehak authority atau pehak yang berkuasa bagi menjalankan Undang² ini atau Menteri yang berkenaan. Dengan jalan memberi kuasa kepada Menteri melantek 3 orang daripada Majlis Tanah Negara sa-olah² mewakili pehak Kerajaan² Negeri Tanah Melayu ini, pada pandangan saya tidak-lah menasabah. Sapatut-nya Cheraian Kechil (e) daripada Cheraian (3) daripada Fasal 2 ini patut-lah di-pinda supaya negeri² di-dalam Persekutuan ini ia-itu negeri² yang mana terlibat dengan undang² ini, hendak-lah ada wakil-nya masing², sa-orang wakil bagi tiap² negeri. Sunggoh pun ahli lembaga ini akan jadi jumlah yang begitu ramai, akan tetapi

saya rasa tidak-lah sulit bagi menjalankan pekerjaan, dan saya rasa dengan chara yang demikian perlaksanaan akan bertambah lancar dan lalin lagi, sebab dalam (e) sekarang ini ada 9 orang dan 3 di-lantek daripada Majlis Tanah Negara. Kalau sa-kira-nya di-terima-lah pengeshoran saya daripada tiap² Negeri ada wakil-nya sa-orang, maka dengan sendiri-nya (e) saya katakan 11 orang lagi yang mewakili pehak berkuasa Negeri² di-dalam Malaya atau pun Tanah Melayu. Sakian-lah sahaja.

Dato' Haji Mustapha bin Abdul Jabar (Sabak Bernam): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian dalam perbahathan Rang Undang² Perbadanan Tanah Negara pada hari ini. Saya nampak bahawa dengan adanya Rang Undang² ini di-bentangkan di-dalam Dewan yang mulia ini, adalah menunjukkan satu 'alamat yang baik kepada ra'ayat yang duduk dalam kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia ma'alum bahawa petani² yang hidup di-dalam kawasan luar bandar, mereka itu hanya sa-mata² bergantung mata pencharian dan nafkah-nya ada-lah kapada tanah yang ada pada mereka itu. Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Rang Undang² ini ada menunjukkan dua perkara tugas yang besar ia-lah soal penyatuan dan soal memulehkan. Jadi di-dalam soal memulehkan ini, saya berharap sangat kapada perbadanan ini dapat menjalankan tugas² yang akan juga dapat mengkaji kedudukan jenis tanaman² di-dalam kawasan luar bandar yang di-fikirkan tidak begitu menguntungkan, supaya dapat di-ganti dengan tanaman² yang lebih menguntungkan. Jadi, ini satu daripada puncha² dan sebab² yang menjadikan kelemahan pada penduduk² luar bandar, terutama-nya kapada orang Melayu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di-sini suka saya memberi sedikit chontoh di-mana yang saya ketahui ya'ani di-dalam kawasan saya sendiri, di-Sabak Bernam sana. Di-Sabak Bernam sana penduduk²-nya ia-lah terdiri daripada 95 peratus daripada petani² yang hidup dengan berkebun kelapa dan juga bersawah padi. Mereka ini, Tuan Yang

di-Pertua, tidak ada dapat menchari penghidupan chara yang lain, sa-lain daripada bertani dan saya telah pun menjalankan penyiasatan dan kajian, terutama sa-kali pada penduduk² yang hidup dengan berkebun kelapa. Bagi tiap² satu keluarga yang mempunyai 5 ekar tanah kebun kelapa, mengikut hetong panjang, pendapatan-nya boleh di-terima oleh mereka ini tiap² bulan tidak lebih daripada \$60, ini pun adalah kapada pekebun kelapa yang terjumlah yang baik. Kalau sa-kira-nya kebun² ini tidak begitu baik, maka lebih rendah lagi daripada pendapatan ini \$60 ini-lah yang akan di-gunakan untuk sara hidup-nya, untuk sara hidup keluarga-nya, untuk pelajaran anak²-nya dan untuk segala²-nya. Jadi petani² ini, yang kebanyakan bukan-lah hanya bergantung kapada tanah masing², tetapi juga telah menchari mata pencharian yang lain dengan mengambil upah ka-sana sini untuk menutup dan mengisi keperluan²-nya sa-tiap hari. Kalau kita pandang, Tuan Yang di-Pertua, pendapatan-nya tidak lebih daripada \$60 bagi satu keluarga, adalah satu pendapatan yang lebih rendah lagi daripada pendapatan gaji budak pejabat (Office Boy). Jadi ini-lah banyak puncha² yang mendatangkan kelemahan daripada segala jurusan, daripada chara hidup penduduk² dalam kawasan kebun kelapa.

Saya dapat tahu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan pada masa ini sedang membuat ranchangan bagi menanam sa-mula kelapa sa-bagaimana yang telah di-jalankan di-Johor dan juga yang di-jalankan di-Perak. Ranchangan ini, saya dapat tahu juga, memang memakan belanja yang bermillion ringgit dengan tujuan supaya pekebun kecil kelapa itu akan dapat di-perbaiki taraf hidup-nya dan akan dapat ditinggikan mata pencharian-nya. Ini adalah satu ranchangan yang baik juga, tetapi saya suka memberi sedikit pandangan kalau dapat perbadanan ini juga nanti akan dapat menyiasat atau pun mengkaji sa-mula mana-kah lebih baik, kita menanam sa-mula pokok² kelapa ini dengan menggantikan dengan pokok² dengan pokok² kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, saya membawa pandangan ini ia-lah di-dorongkan dengan pekerjaan dan ranchangan

yang telah di-buat oleh pekebun² besar, ya'ani ladang² besar yang ada di-Sabak Bernam sana pada masa ini sedang menggantikan pokok² kelapa biasa yang ada ini dengan pokok² kelapa sawit. Mengikut keterangan dan cerita daripada Pengurus² Ladang ini bahawa kelapa sawit ini ada-lah mempunyai hasil dua tiga kali ganda daripada kelapa biasa. Jadi, oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah memberi perhatian kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya dapat mengkaji, atau pun menimbang-ranchangan menggantikan pokok² kelapa biasa ini dengan pokok² kelapa sawit. Jadi, itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya di-dalam perbahathan ini, dan oleh kerana saya fikir mustahak, saya bersama² untuk mengambil bahagian, dan di-ucapkan terima kasih.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahathan undang² ini berkenaan dengan pemulehan dan menyatukan tanah² yang tidak ekonomik.

Tuan Yang di-Pertua, pada perasaan saya ini-lah satu²-nya ranchangan Kerajaan yang sangat² mengembirakan saya, sebab perkara ini sangat² mustahak bagi keadaan orang² di-luar bandar pada masa ini. Saya perchaya Kementerian ini telah ada chukup penerangan², keadaan², kawasan² ia-itu berkenaan dengan hal tanah² di-luar bandar yang patut di-pulehkan balek sa-mula, sebab keadaan ini boleh dikatakan meliputi kampung² yang di-luar bandar yang di-tanam dengan tanaman² yang sa-patut-nya telah di-aleh, di-gantikan dengan tanaman² yang boleh memberi keadaan kehidupan mereka yang lebih tinggi. Untuk melancarkan ini, Tuan Yang di-Pertua, kita berkehendakkan modal dalam keadaan² tanah itu supaya dapat pakar² kita menetapkan dalam satu kawasan yang besar di-kampung² yang besar yang tanah itu boleh di-tanam dengan satu benda yang boleh memberikan faedah yang besar. Kita tahu, negeri kita, Tuan Yang di-Pertua, banyak memasok barang² dari luar negeri yang boleh di-tanam di-negeri ini, sa-umpama-nya dalam tahun

1962, kita ada memasokkan ka-dalam negeri kita jagong sahaja sa-banyak \$1.4 million yang kita sudah beli di-luar negeri, pada hal perkara ini boleh kita adakan di-sini.

Jadi, tanah² yang di-kampung² pada masa ini yang tidak memberi faedah sa-umpama-nya pokok mata kucing yang berbuah sa-kali tiga tahun, yang mengambil tempat yang besar dalam tanah itu yang tidak memberi faedah kepada orang² di-luar bandar kita. Jadi, jikalau sudah ada, saya perchaya Menteri kita ini sudah ada ma'aluman ini, bagaimana-kah kita hendak melancarkan segala ranchangan yang ada dalam undang² ini. Tentu-lah rasa saya, kita telah menepati segala²-nya.

Dalam minggu ini sahaja, kita telah meluluskan undang² pembaharuan sharikat kerjasama, undang² Bank Bumiputera, Undang² MARA—ini rasa saya, dengan kerjasama satu badan yang mengandongi MARA, Bank Bumiputera, Sharikat Kerjasama dan Majlis Pasaran—boleh kita melancarkan tujuan² daripada undang² ini, tidak dengan satu jalan paksaan bagaimana banyak Ahli² kita telah menyatakan, kita mesti menjalankan dengan paksaan—tidak, tidak payah kita adakan. Kalau penarekan chadangan Kerajaan hendak memberi pemulehan tanah ini, satu chadangan yang boleh menarek orang² kampung dengan suka rela masuk dalam ranchangan kita ini. Untuk menarek ini, Tuan Yang di-Pertua, kita telah memerhatikan sa-buah negeri, ia-itu negeri Taiwan yang mengambil masa lebih kurang 15 tahun untuk meranchangkan satu ranchangan yang sa-macam ini juga kita buat, ia-itu satu ranchangan pemulehan tanah, di-beri tanah yang boleh memberi faedah yang besar, ia-itu di-sekat orang² yang kaya menyimpan tanah bagi faedah menggunakan kudrat² daripada pak² tani kita yang tidak ada tanah.

Yang kedua, untuk menarek pak² tani kita masuk dalam ranchangan ini ia-lah dua tiga perkara yang sangat mustahak, Tuan Yang di-Pertua, kerana pak² tani kita kurang pelajaran, kerana pak² tani kita kurang kewangan, pak² tani kita kekurangan segala² perkakas², maka jikalau Kementerian ini

bersedia memberi, atau pun menunjokkan segala²-nya kepada pak² tani, segala kesusahan yang di-hadapi oleh pak² tani kita tunjukkan, kita mengadakan perkakas² heavy machineries—tractor²-nya, ia-itu mengadakan baja²-nya, mengadakan benih², ada ranchangan tiap² satu kawasan itu sahaja yang boleh di-tanam. Jadi, dengan ini, saya rasa pak² tani kita tidak ragu² lagi hendak masuk ka-dalam ranchangan itu. Kita ada pengalaman, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan bertanam sa-mula getah, pada hal kita tahu pekebun² kecil kita tidak menarek hati hendak masuk ka-dalam ranchangan tanam getah ini. Fasal apa, kerana kesulitan² yang dia itu tidak dapat di-atasi oleh kita semua, oleh Kerajaan sendiri, jadi ranchangan ini memang-lah, rasa saya, kalau-lah dapat dalam lima enam jabatan mengadakan co-ordnansi, satu kerjasama untuk memecahkan soal² yang saya bentangkan tadi, saya perchaya ia-itu Rang Undang² yang ada di-hadapan kita ini dapat di-lancharkan dengan baik-nya. Sunggoh pun kita ada perkara² 'adat, ugama, tetapi rasa saya, saya berasa mushkil, banyak fahaman² ugama telah di-bentangkan dalam Dewan ini yang mengatakan Islam itu satu fahaman yang sempit—ta' boleh kita mengadakan, kerana apa, undang² pemberian harta. Islam satu ugama yang ada undang² yang luas, yang *flexible*, yang boleh menyesuaikan keadaan masa.

Jadi, saya rasa, saya perchaya Kementerian ini telah berunding dengan pak² tani para ugama kita, orang yang ahli ugama kita dalam hal ini. Jadi, kita tidak boleh timbulkan dalam Dewan ini dengan mengatakan sebab ugama-lah maka ini tidak boleh dijalankan. Ini satu perkara yang sangat mendukachitakan, kerana saya tahu ugama Islam ia-lah satu ugama yang *flexible*, yang menyesuaikan diri-nya—perkara yang memberi faedah kepada ra'ayat, tidak-lah ugama menahan-nya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sangat gembira dengan Undang² yang ada di-hadapan kita ini. Saya perchaya dengan hasrat yang baik, usaha yang lebih giat daripada segala peringkat untuk melancharkan tujuan² yang murni ini, saya perchaya ia-itu kita

akan dapat melancharkan dengan baik-nya. Segala masalaah² dapat kita selesaikan dengan chara mahu mem-baiki keadaan² yang burok itu pada masa ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bagitu-lah sedikit pandangan saya dalam Rang Undang² yang di-hadapan kita ini, dan saya perchaya Kerajaan tidak ragu² lagi, sunggoh pun kita mendengar pandangan² yang merintang ranchangan² kita ini. Tetapi saya perchaya ini dapat kita tebas, kita terangkan supaya dapat di-lancharkan Rang Undang² yang di-hadapan kita ini.

Dr Tan Chee Khoo (Batu): Mr Speaker, Sir, I just wish to talk a little on this problem of absentee landlordism that we heard a little the other day in the cross-fire of an oral question by the Member for Bungsar. Mr Speaker, Sir, it is a well known fact that in this country, according to the Wilson Report on padi planting in this country, about 70% of the padi planters in this country do not own the land they cultivate and that means 70% of this land that is being cultivated belongs to people who not only do not live on the land or near the land but who do not cultivate the land and who live by the sweat and labour of the unfortunate padi planters in this country. I suppose—and this, Mr Speaker, Sir, according to the explanation given by the Honourable Member for Bungsar when he talked about the systematic transfer of land ownership from rural to non-rural areas, is a trend in the wrong direction—land is being transferred from the rural areas to the people in the urban areas who do not cultivate the land. That means the incidence of absentee landlordism is on the increase.

Now, Mr Speaker, Sir, it is also a well known fact to the Government that this problem of absentee landlordism poses two problems: one is that there is no security of tenure; the other one is that with this *kuncha* system the absentee landlord says, "you give me one-third of your crops, you give me two-thirds of your crops, that is my rent." Now, Mr Speaker, Sir, let us take the first problem first, i.e., no security of tenure. Now, under this system, because

there is no legality over this arrangement between the tenant farmer and the absentee landlord, supposing the crop for one year is a hundred gantangs per acre, because of a freak of nature there is a dry season, the crop fails and for the next season it is 60 gantangs per acre. The landlord says, "Apa macham ini, hasil daripada tanah itu tidak men-chukupi. Saya hendak menukar petani di-tanah saya." He then proceeds to kick out the tenant farmer and gets in somebody who, perhaps, from one-third will probably give him two-thirds of his proceeds. The other one is Mr Speaker, Sir, that you can see how rapacious the absentee landlord is. He sits, perhaps, in his air-conditioned office in Kuala Lumpur and he gets one-third or two-thirds of the sweat and toil of the absentee landlord. Now, Mr Speaker, Sir, this rapacity of the absentee landlords is nothing new in this country, it is all well known to the Government of this country, and in particular, to the succession of Ministers of Agriculture. Mr Speaker, Sir, it is regrettable that in this laudable national land rehabilitation and consolidation authority, the specific eradication of absentee landlordism is not specifically written in there, because that is a very, very big problem apart from the other problems that this Bill seeks to eradicate.

Now, Mr Speaker, Sir, we have seen the astonishing statement by the Member for, I think, Kota Bharu Selatan, the former Menteri Besar of Kelantan saying that he does not know that where there are land reforms the Government compulsorily acquires the land. Now, land reform, Mr Speaker, Sir, is that an acute problem in all over Asia and various Governments have sought ways and means of solving this problem of cutting this Gordian Knot which, in many places, they have not succeeded. In the Philippines, for example, Macapagal has campaigned on the land reform that he has initiated and he has asked the people to give him another chance, so that he can complete the job. President Marcos, the President-elect, has also said that he will solve this land reform, the results of which are also the bane of the cultivators in the Philippine, and so it is all

over Asia. I suppose lots of other Members, who have spoken before me, have talked about this question of Government trying to provide land for the people who cultivate the land.

Now, Mr Speaker, Sir, I notice that there has been a succession of Ministers of Agriculture to the island of Taiwan. I do not know why it is that succession of Ministers who have gone there, where I gather the climate and the conditions are very salubrious have not come back with bold ideas of solving this question of land reform, because, all over Asia, it is only in Taiwan that they have solved this problem of absentee landlordism and the manner in that they have solved is a very simple one. The State acquires the land from the absentee landlords. The State tells them, "Look here, you are not cultivating this land; so we buy it from you; and we will give you Government Bonds. They can be converted into cash on terms that can be arranged between you and us." Then the Government says, "Now you are the padi planter; now you cultivate this land; we will give you an option to buy this land on instalment basis." Consequently, Mr Speaker, Sir, the padi planter, the cultivator, owns the land. Now, as you know, in Taiwan they have made maximum use of the land that they have got. It is not accidental that the present Minister of Agriculture who himself has gone to Taiwan, has sent lots of our farmers to Taiwan to see how the Taiwanese there make the maximum use of the land that they have, and I think the Taiwan Government has also sent farmers over here to show our people how they can have two crops of rice during a year and that in between the two crops of rice, before the padi ripens, they grow sweet potatoes, for example, and in the winter, before the padi ripens, they grow tobacco. Therefore the land is used all the year round. So, Mr Speaker, Sir, the padi planters in Taiwan are an affluent society: they not only have paid back the Government the money for the land that they bought, they own television sets, radios, air-conditioners and refrigerators. The surplus money that they have, they put into industry. Now, Mr Speaker, Sir, that is a thing

that is not unknown to the Minister of Agriculture, I suppose. If he, apart from seeing the sites of Taipeh, looks around and learns from the Taiwanese, he will know these things. I suppose he is very well briefed on these things—successive Ministers have been—but yet I have to see these things being carried out in this country.

As I have said before, the padi planters in Taiwan, they are an affluent society. One evening, I went to a big banqueting hall—they call it “Ambassador”, which is twice the size of this hall—and I saw all the tables being filled. I asked my host, “Who are these people, who are occupying this place?” He said “Oh, these are the country pumpkins who come from the country and they are spending their money.” So, you see, Mr Speaker, Sir, in Taiwan the padi planters can go to posh places and have a good feed. Now, I dare say that this is a Utopian dream to our padi planters in this country. They are always fighting to keep their stomachs full. And if I am not mistaken, Mr Speaker, Sir, there was one statement by a Government spokesman that the income of the padi planter in this country is \$16 a month and the next day, seeing the implications of it, quickly corrected it and said, “No, no. It is not \$16. If they don’t do this, if they don’t do that, then it is \$16 a month”. But, Mr Speaker, Sir, if do this, if they do that, and if you multiply the income by three, you still reach a figure of \$48 a month, which is a sub-human subsistence level.

Now I do hope, Mr Speaker, Sir, that with this Bill, the Government will think more carefully. As my colleague, the Member for Dato Kramat, has stated, we should be more bold and more imaginative. We should acquire the land from those who exploit the down-trodden masses in this country—acquire their land, give it to the farmers, and they will be eternally grateful to this Government.

Enche’ Ismail bin Idris (Penang Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli yang baharu berchakap tadi ia-lah sa-bagai sa-orang ejen bagi satu pertubohan pelanchong di-Taiwan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-belum saya memberi pandangan saya terhadap Bill ini, saya terlebih dahulu suka menyampaikan ucapan terima kaseh bagi pehak ra’ayat negeri Pulau Pinang kepada Kerajaan Pahang dan juga Kerajaan Perak yang telah bermurah hati membenarkan ra’ayat di-negeri Pulau Pinang bertempat dan mendapat tanah didalam negeri² itu. Ini ada-lah hasil daripada usaha² yang telah di-jalankan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Begitu juga pehak ra’ayat di-Pulau Pinang suka menyampaikan ucapan terima kaseh kepada Kementerian Luar Bandar dan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, ada-lah Bill ini bermaksud supaya memberi kemudahan dan kesenangan dan juga meninggikan taraf hidup ra’ayat di-dalam negara kita ini. Dan saya telah mendengar ucapan² daripada semua wakil² yang telah memberi pendapat masing² di-kawasan masing². Saya sa-bagai sa-orang wakil ra’ayat di-dalam sa-buah kawasan, suka-lah hendak menggambarkan kepada pehak yang berkuasa masaalah² yang sedang berlaku didalam kawasan saya. Di-dalam Pulau Pinang, seperti mana yang tuan² tahu dan seperti yang mana telah saya butirkan baharu² tadi, ia-itu ra’ayat di-sana ada-lah mendapat ihsan daripada negeri² lain, begitu juga ada-nya kedudukan pendudok² dan ra’ayat didalam Pulau itu. Satu daripada masaalah yang besar ia-lah orang² yang mempunyai tanah kechil, satu ekar atau dua ekar. Tanah² ini ada-lah hasil daripada pemberian atau pun habuan daripada pusaka² yang terlebih dahulu dan di-atas tanah² ini-lah mereka dudok beranak berpinak dan menternak ayam, itek, kerbau dan lembu. Dan bagitu-lah juga kita dapati di-atas tanah² ini tumbohan² serba nika. Ada pokok kelapa, pokok durian, pokok manggis, pokok duku dan beberapa macham pokok² lagi. Ini pada pendapat saya ada-lah satu kerugian dari segi pendapatan, kerana kalau di-kirakan dalam satu atau dua ekar itu yang di-penohi oleh bermacam² pokok dan bermacam² pula chara buah-nya, saya rasa tentu-lah tidak mendapat keuntungan dan mendapat harga yang baik-nya sa-kira-nya keadaan tanah² di-biarkan begitu sahaja.

Oleh yang demikian sa-kira-nya Kerajaan atau pun kalau Bill ini membenarkan supaya tanah² itu di-kumpul²-kan, harus-lah pada pendapat saya, tuan² tanah itu tidak akan mengizinkan atau pun tidak ingin hendak menyerahkan tanah² itu, kerana itu-lah sahaja hak² pusaka yang tinggal oleh datok nenek mereka. Saya fikir hanya ada satu jalan kalau Kementerian atau kalau pehak yang berkuasa ini boleh memikirkan ia-itu segala tanah² ini di-benarkan supaya di-tumbuhkan atau pun di-tanamkan satu perkara sahaja atau kalau hendak di-tanamkan manggis, jadikan-lah manggis sahaja dalam satu atau pun dua ekar itu. Kalau hendak di-tanam rambutan yang lebeh baik tanamkan-lah rambutan. Umpamanya kalau na' di-tanamkan rambutan, di-Pulau Pinang memang mashhor rambutan, dalam satu ekar tanah pada pendapat saya boleh-lah di-tanam lebeh kurang 40 atau 50 pokok. Kalau ada 2 ekar tentu-lah boleh dapat lebeh kurang 100 pokok yang mana pada tiap² tahun, yang telah biasa di-dapati di-Pulau Pinang, mendapatkan lebeh kurang 15 atau 20 ringgit pada sa-pokok. Ia-itu boleh-lah di-dapatkan daripada tanah itu lebeh kurang \$2,000 atau \$2,500 pada tiap² tahun. Pada pendapat saya di-dalam pendapatan \$2,000 sa-tahun itu pada sa-orang petani yang penghidupan-nya sederhana dan tinggal-nya di-luar bandar, boleh-lah dia men-chukupi bagi kehidupan-nya.

Kemudian saya datang pula kepada masaalah yang nombor 2 ia-itu masaalah yang orang² menumpang atas tanah² tuan punya. Ini-lah satu perkara yang paling rumit sakali di-dalam kawasan saya. Sa-hingga mereka ini tidak berpeluang langsung hendak dudok atau pun hendak tinggal dalam tanah² ini dengan merasa keadaan yang senang sadikit. Saya suka memberi satu chontoh, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soal ini. Sa-kira-nya sa-buah atau pun satu kawasan tanah 10 ekar atau 15 ekar, umpama-nya, dan di-atas tanah itu memang-lah sudah ada orang² yang tinggal berkurun² lama-nya. Tetapi apakala sa-keping tanah itu di-jual kepada sa-orang lain pula, maka sudah tentu-lah orang² yang tinggal di-atas tanah itu, sama ada di-paksa keluar atau pun di-biarkan dia

merana sa-macham itu, sa-hingga-lah beberapa perkara telah berbangkit sa-hingga perkara ini di-bawa kepada mahkamah atau sa-bagai-nya, kerana orang² yang di-panggil "squatters" itu enggan hendak keluar daripada tanah itu. Oleh sebab dia ta' ada tanah di-mana dia hendak pindahkan tempat kediaman. Ini satu perkara yang paling² rumit yang sangat susah di-rundingkan di-dalam pulau yang ta' ada tanah ini.

Kemudian saya datang pula kepada soal yang ketiga ia-lah masaalah orang atau pun tuan punya tanah yang ada berlebehan, walau pun di-Pulau Pinang tidak ada estate² yang besar, dan saya dapat tahu hari ini hanya ada sa-buah estate kepunyaan sharikat Inggeris yang mempunyai lebeh kurang 2,100 ekar. Tanah ini kepunyaan satu sharikat Inggeris kalau saya ta' lupa, telah di-beritahu kepada saya semenjak tahun 1870, dan di-atas tanah itu-lah hari ini ada lebeh kurang penduduk²-nya, orang Melayu lebeh kurang 2,100 orang, orang China lebeh kurang 1,400 orang dan orang India lebeh kurang 400 orang di-atas tanah 2,100 ekar ini. Dan orang² ini telah pun dudok berkurun² daripada 2, 3, kurun dahulu. Jadi ura² tanah ini hendak di-jualkan, dengan ini saya hendak beritahu pehak yang berkenaan, sa-kira-nya tanah ini di-jual kepada sa-orang *investor* atau pun kepada orang yang hendak menjalankan usaha² lain, maka sudah tentu kedudukan 2,900 nyawa di-dalam tanah itu akan terancham, dan rumah² yang mereka sekarang dudoki harus-lah mereka terpaksa kena pergi lebeh jauh lagi daripada tempat itu, yang mana akan rugi-lah pelaksanaan atau pun dasar yang ada di-dalam Rang Undang² ini, ia-itu meninggikan taraf hidup, memperbaiki kehidupan ra'ayat dan sa-bagai-nya.

Juga saya suka-lah hendak menyatakan kepada Yang di-Pertua, ia-itu tanah 2,100 ekar ini ada mempunyai lebeh kurang 700 atau 800 ekar sawah. Sawah ini memang-lah di-buat, tetapi oleh sebab dia ini hak *private* hak persaorangan, maka tidak-lah dapat Kerajaan melancarkan usaha² berkenaan dengan tali ayer. Oleh yang demikian, biasa-nya kita dapati sawah di-tempat itu yang boleh di-buat dua kali sa-tahun tetapi dengan ketiadaan *irrigation*

atau tali ayer yang Kerajaan ta' dapat membuatkan, maka hanya-lah sakali sahaja pada satu tahun. Ini juga akan merugikan' atau merendahkan pendapatan ra'ayat di-dalam kawasan itu. Ini-lah yang saya bawakan kapada pengetahuan pehak yang berkenaan supaya pehak yang berkenaan dapat berikhtiar muga² kedudukan penduduk² yang 2,900 orang ini dan mata pencharian orang² ini tidak-lah terancham. Memang-lah squatters atau pun orang² yang bertumpang ini duduk di-dalam tempat² yang berternak, berternak babi umpama-nya berternak lembu umpama-nya, dan juga bertanam chuchok di-dalam kebun itu. Saya juga uchap terima kaseh kapada tuan punya kebun itu yang telah membenarkan squatters ini membela menternak ayam, itek kerbau lembu dan babi dan menanam, itu saya uchapkan berbanyak terima kaseh. Tetapi yang saya susah hati apa yang akan berlaku kapada orang² ini apakala tanah ini di-jual. Dia terpaksa kena jual tanah ini oleh sebab satu² hal yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya dengar ada kata² bahawa pemuda² tidak berchenderongan langsung untuk bertani dan sa-bagai-nya di-luar bandar, yang sa-benar-nya kita tidak boleh salahkan pemuda², ini ada-lah di-sebabkan oleh dorongan mereka itu dari masa mereka bersekolah lagi, kerana tidak kita beri layanan dan latehan kapada mereka itu bertani dan sa-bagai-nya. Ini saya dapat bukti dalam kawasan saya sendiri, saya tidak tahu dalam kawasan lain, dalam kawasan saya ini pemuda² maseh ashek berkehendakkan pekerjaan, di-sebabkan oleh tidak ada langsung sa-keping tanah yang mereka patut kerjakan, ada golongan mengatakan pemuda² tidak chenderong kapada pertanian, tetapi kalau di-beri peluang saya agak pemuda² ada lebeh chergas untuk bertani. Maka oleh yang demikian banyak pemuda² yang belum berkahwin ingin sangat hendak bertani kalau Menteri memberi peluang kapada mereka itu hari ini untuk pergi ka-mana² bertani.

Satu perkara yang saya suka hendak menyatakan di-sini, Yang Berhormat daripada sa-belah sana tadi telah berkata bahawa Rang Undang² ini hanya

hendak menutup lubang atas kegagalan Parti Perikatan melancarkan, memberi kemudahan² dan kemewahan kapada ra'ayat. Kalau-lah Yang Berhormat itu betul² melawat ka-kawasan luar bandar, saya rasa tentu-lah dia terperanjat melihat bagaimana-kah kesenangan dan kemewahan yang telah di-chapai, yang telah di-dapati oleh ra'ayat di-dalam kawasan luar bandar. Saya rasa, dengan ada-nya Bill ini, maka akan lagi bertambah kesenangan dan keuntongan dan kemewahan ra'ayat jelata, khas-nya ra'ayat² yang ada di-luar bandar. Maka oleh yang demikian sangat-lah tidak bijak, pada pendapat saya, ucapan daripada Yang Berhormat sa-belah sana tadi yang menyatakan Bill ini hanya samata² untuk menutup lubang atas kegagalan daripada pehak Perikatan yang telah meranchangkan Ranchangan Luar Bandar ini. Terima kaseh.

The Deputy Prime Minister: (Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil baha-gian di-dalam perbincangan berkenaan dengan Rang Undang² yang ada di-hadapan Dewan ini, ia-itu Rang Undang² Perbadanan Tanah Negara untuk pemulehan dan juga penyatuan tanah. Saya sangat sukachita bahawa Ahli² Yang Berhormat boleh di-katakan kesemua-nya termasuk-lah Ahli² Yang Berhormat daripada pehak pembangkang, telah menyokong Rang Undang² ini. Tetapi saya dukachita sedikit mendengarkan perchakapan² daripada sa-tengah² Ahli² Yang Berhormat, terutama daripada pehak pembangkang, yang mengatakan Rang Undang² ini tidak-lah chukup luas dan tidak chukup tepat dan tidak mempunyai kuasa² yang penoh untuk menjalankan kehendak² negara.

Saya suka terangkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pehak Kerajaan telah menimbangkan perkara ini dengan sangat halus sa-belum mengemukakan Rang Undang² ini, dan lagi ada banyak masalaah² yang terpaksa kita hadapi berkenaan dengan soal ini. Saperti Ahli² Yang Berhormat sebutkan, ada masalaah *fragmentation* ia-itu tanah² yang di-punyai oleh ra'ayat di-kampong² itu sangat kechil, tidak menchukupi untuk mereka itu menchari nafkah hidup.

Yang ke-dua-nya yang di-katakan *absentee landlord*—ini pun satu masalah yang penting juga.

Dan lagi masalah yang lebih penting lagi—yang lebih mustahak kita atasi dengan sa-berapa segera, ia-lah ada tanah² yang di-punyai oleh ra'ayat negeri ini, terutama daripada penduduk² luar bandar, yang tidak dapat di-jayakan dengan sempurna-nya. Jadi, ini-lah perkara yang pertama sa-kali—yang mustahak sa-kali yang perbadanan ini patut atasi ia-itu hendak menolong menjayakan tanah² yang sekarang ini ada di-punyai oleh ra'ayat yang telah di-beri kepada ra'ayat yang tidak di-jayakan oleh mereka itu. Jadi setelah di-siasati perkara ini ia-itu sebab-nya tanah² tidak dapat di-jayakan ia-lah kekurangan wang. Jadi, dengan sebab itu-lah perkara yang pertama perbadanan ini atau lembaga ini di-kehendaki menjalankan ia-lah menolong pehak ra'ayat yang mempunyai tanah yang tidak dapat di-jayakan tanah itu supaya tanah itu dapat di-jayakan dengan sempurna-nya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saperti yang saya kata tadi, masalah yang kita terpaksa hadapi berkenaan dengan tanah ini ada-lah banyak. Jadi, tentulah kita tidak dapat mengatasi semua sa-kali dengan serta-merta, tidak dapat tiada perbadanan ini tentu-lah akan mengambil masa sa-belum dapat mengatasi semua sa-kali masalah² yang telah di-sebutkan itu. Dengan sebab itu-lah kita terpaksa hendak menjalankan perkara ini dengan beransor satu persatu. Jadi, saperti saya kata tadi masalah yang penting sa-kali hendak jayakan tanah yang di-punyai oleh ra'ayat sekarang ini yang tidak berjaya dengan memuaskan hati.

Jadi, Ahli² Yang Berhormat daripada pehak Socialist Front—I think so often they are carried away by their Socialist principles that they are out of touch with realities. As I said, we are fully conscious of the numerable problems connected with land fragmentation, absentee ownership and such other problems. But the main problem we have to face, the most urgent one, is to help those land owners who have been given land but who have not been able to cultivate their land due to many

reasons, one of which, of course is lack of capital.

I fully appreciate that there is the problem of absentee ownership but that is not prevalent in many areas. In some areas, this problem exists, but, in many, cases, this has been due to the fact that the tenants have not the means to develop the land, and that is why they have to mortgage the land to absentee land owners. But these are problems which we have to tackle in due course. But, as I said, the most important problem that the Authority will have to face immediately is to help the smallholders, particularly those, who will be given land under the Fringe Alienation Scheme and under the Controlled Alienation Scheme, who have not been able to cultivate their land satisfactorily.

The Honourable Member for Dato' Kramat and also the Honourable Member for Batu have suggested that the Government should have the power to compulsorily acquire uneconomic holdings for rehabilitation. Well, Sir, we have not got this power. This is not the way we would like to do things; and I think it is not desirable, under present conditions, for this Authority to have the power to acquire land of economic holdings for the purpose of rehabilitation.

As, I think, the Honourable Member for Penang Selatan has said, some people do have attachment to their land and we do not want to frighten people at this stage. We should like to do this by example, by persuasion, and this is the way that we in the Alliance Government do things, and I am suprised that the Honourable Members, from the Socialist Front who have always been shouting for democracy, and have always been accusing us of dictatorial powers, of abusing democracy and whatnot—

Enche' Lim Kean Siew: On a point of clarification, Mr Speaker, Sir, Does not the Honourable Minister consider eight years sufficiently long a time, from 1957 until 1965? The Wilson Report came out in 1958. You have done nothing about it for the last seven years!

Tun Haji Abdul Razak: Mr Speaker, Sir, the country and the people know what we have done. This is a new measure that we are putting forward and I think, under this new measure, we should do things in a proper way and, as I said, not frighten people by having the power to acquire land compulsorily for the purpose of rehabilitation. And, I think it is also undesirable to have the power to acquire land compulsorily for consolidation.

The Honourable Member for Batu spoke of Taiwan, of things that have been done in Taiwan. I have not been to Taiwan myself. (*Laughter*) But I have been told that in Taiwan, the Government compulsorily acquires land for redistribution to tillers, to farmers, as opposed to land consolidation. Therefore, I think it is not desirable to have this power at this stage. If the problem of absentee ownership comes to the surface and becomes urgent, then we may have to consider this measure but I think, for the time being, we do not consider it necessary to have this power.

As I have said, there will be enough work for the Authority to do for a number, number of years, particularly to help cultivate land already owned by smallholders, which have not been cultivated, and also to help those smallholders in the old established villages, who have not been able to cultivate their land satisfactorily. So, Sir, we have our ways of doing things. We do not wish to force people to do things, particularly in matters of development; and I think it would be more satisfactory, and I think we get better results, if we do things by persuasion, by example, and I think it is the intention of the Government, when we establish this Authority, with this Authority to start with pilot schemes in a number of States to show to the people that if they are in no position to develop the land themselves the Authority will have to develop their land. The Authority will negotiate with them and I am sure that if the people do see that it will benefit them to have the Authority develop their land, they will allow the Authority to do so.

As I said, this is the principle we have followed in all our development.

We believe in a democracy, we are practising democracy, and we consider this is the way in which we do things for the best interest for the people of this country.

I am not quite clear what the Honourable Member for Dato Kramat meant when he said that any land involved in the operation of this Bill should be worked out on *gotong royong* system, and this could prevent further fragmentation of such holdings after consolidation.

Enche' Lim Kean Siew: On a point of clarification, Mr Speaker, Sir, I did not say (the Honourable Minister was not here unfortunately)—I did not say that the Bill should produce the *gotong royong* system or that in effect, it should be so. I said any measure should be a total measure and one of the aims ought to be. But I said that this Bill does not provide such a measure and cannot achieve...

Tun Haji Abdul Razak: What measure...?

Enche' Lim Kean Siew: Sir, do I have to repeat my speech again? The measure of land utilization, mechanization of land, proper utilization of land and tilling, co-operative ownership and possibly collective work—and I said I did not like to use the word "collective"—otherwise you would say I am a communist and I used the words "*gotong royong*." (*Laughter*)

Tun Haji Abdul Razak: I think the Honourable Member has got all these confused in his mind. *Gotong royong* does not mean collective ownership.

Enche' Lim Kean Siew: Collective work, I said.

Tun Haji Abdul Razak: That is probably right. The object of this Bill, Sir, is clearly stated: "it is proper land utilization. But we propose to implement this measure by persuasion, by example and not by force, by having the power to acquire land compulsorily for rehabilitation, for consolidation and also for collective ownership. Sir, there is no question of allowing further fragmentation when the uneconomic holdings have been developed, because we have now a law under the present land

development law, we have the power to stop fragmentation and, if the holdings can be brought under the present law, then it would stop further fragmentation. I do not wish to go any further into this as my colleague, the Minister for Lands and Mines will, no doubt, reply in great detail. I only wish to mention these few important principles, because it is necessary for us to make it clear that we intend to tackle all these problems. There are complicated problems, as I said, of fragmentation, absentee ownership and other problems. But the most important and urgent problem is to help the farmers and the small-holders to develop their land satisfactorily, and this would be the first task that will be undertaken by this Authority.

Dr Tan Chee Khoon: Sir, on a point of clarification, I did not like to interrupt the Hon'ble the Deputy Prime Minister, because I feel that it is incourteous of me (*Laughter*) to interrupt him, but now that he has completed his speech, may I point this out to the Hon'ble the Deputy Prime Minister—He singled out both my colleague and me for special mention. What we have done or left undone, I do not know, Mr Speaker, Sir, But the burden of his thesis was that the *chelaka* Front Socialis advocates compulsory acquisition and the time is not ripe for it. I would like to point out to the Hon'ble the Deputy Prime Minister that the Government already has this power in various directions. The Government, under the Five-Year Plan and under lots of other schemes, compulsorily acquires land and the Government has made use of such power, and lots of this acquisition have gone to Court. The Federal Highway along Jalan Duta is an example. There, the Government compulsorily acquired the land, but, unfortunately, it did not pay quite enough and the owner has taken the Government to Court. I would not say that it is an undemocratic measure, but the Hon'ble Deputy Prime Minister had it made out that such a measure advocated by us is undemocratic and so all this baloney that we are preaching is (*Laughter*)... all sorts of *chelaka* that Socialist Front is seeking to create trouble.

Tun Haji Abdul Razak: Sir, I think the Hon'ble Member for Batu has not got his facts right here. Under the present Land Acquisition Enactment, the State Government—no other Authority has the power—the State Government has the power to acquire land for public purpose, and not for private purpose like this, and I think it is not right yet that we should have the power to acquire land for private purpose or for development for the benefit of the individual land owners. For example, one or two Honourable Members suggested that we should acquire land and we should make it compulsory for smallholders to mechanise their cultivation of land. This is, again, encroaching on the freedom of the individual, and this is not the sort of thing that we would like to do at this stage.

As I have said, this Authority would have enough problems to tackle for a number of years, another problems will no doubt crop up in due course and we shall consider appropriate measures to deal with these problems.

Mr (Deputy) Speaker: The House is suspended for 15 minutes.

Sitting Suspended at 6.05 p.m.

Sitting resumed at 6.35 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

Enche' Abdul Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, prinsip Kerajaan Perikatan mengenai perkara membantu ra'ayat menerusi beberapa lambaga, serta memajukan tanah, telah pun di-terangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi. Maka saya tidak-lah akan mengulangi lagi apa yang telah di-terangkan oleh Yang Amat Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat rakan saya dari Bachok sa-malam menerangkan, ia-itu Clause 13 di-dalam Rang Undang² ini tidak ada mengan-dongi kuasa² yang boleh membenarkan lembaga itu membuat peratoran untuk menjadi panduan bagi mereka yang masuk dalam tanah² yang akan di-majukan oleh lembaga ini. Beliau berchadang supaya kuasa² itu di-masokkan di-dalam undang². Ini tidak perlu, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana

jikalau Ahli Yang Berhormat itu membaca dengan teliti Rang Undang² ini, maka dia akan nampak dalam Clause 4 proviso-nya, perkataan ini:

"Provided that the Authority shall have the power to do all things reasonably necessary for or incidental to the discharge of its functions and to do such other things as the Authority deems fit for the effective carrying out of its function under this Act."

Maka untuk mengeluarkan buku² panduan dan lain² untuk kegunaan peserta² dalam ranchangan kelak, boleh-lah kita gunakan kuasa² ini.

Ahli Yang Berhormat itu telah menudoh bahawa Kerajaan Perikatan, terutama sa-kali Kerajaan Pusat, tidak menggalakkan chara² baharu untuk di-gunakan oleh pak tani kita. Ini tidak-lah betul sama sa-kali. Agak-nya, beliau tidak mendengar kenyataan² yang saya beri ketika saya mengemukakan Rang Undang² ini sa-malam untuk di-bacha pada kali yang kedua. Saya jemput Ahli Yang Berhormat itu membaca ucapan itu kelak bila sampai ka-tangan Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga menhadangkan supaya chara² menjaga tanah di-masokkan juga dalam undang². Jadi, nampak dia ini, Tuan Yang di-Pertua, ada obsession sedikit dengan kuasa², dengan chara² mesti hendak kita masokkan dalam undang² itu. Chara membuat undang² tidak-lah demikian. Sa-balek-nya apa yang kita masokkan ia-lah perangka, atau skeleton undang² dan pentadbiran sa-tiap hari yang boleh kita sesuai, yang boleh kita ubah dari satu masa ka-satu masa—tidak perlu kita masokkan, dengan syarat-nya dalam undang² ini ada terkandung kuasa² yang di-beri kepada satu badan untuk menjalankan tugas² yang telah di-beri kepada badan itu. Dalam undang² ini kuasa² yang chukup telah pun ada di-beri.

Beliau juga menerangkan chara Kerajaan Perikatan menjalankan tugas untuk membantu penduduk² luar bandar menerusi Lembaga yang akan kita tubuhkan ini merupakan satu perhubungan perkahwinan di-antara system capitalistic dengan system socialistic dan perkahwinan ini, dalam pendapat

beliau menimbulkan system yang elok di-fikirkan-nya ia-itu Islamicitic.

Tetapi sa-malam juga, rakan-nya Ahli Yang Berhormat daripada Besut tidak bersetuju bahawa perkahwinan di-antara sistem kapitalistik dengan sistem socialistic boleh di-lakukan. Sa-balek-nya rakan beliau berkata, itu saperti tujuan sa-orang yang hendak memelihara kambing, dan di-samping itu pula hendak menanam sireh. Jadi, nampak-nya PMIP sendiri—tidak ada mempunyai satu policy yang di-sokong oleh semua Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat itu telah menudoh bahawa FLDA tidak ada sambutan. Ini tidak-lah di-terima oleh kenyataan, sa-balek-nya FLDA-lah satu scheme yang sangat berjaya sa-kali di-antara scheme² tanah yang lain, yang kita jalankan di-Tanah Melayu ini.

Shor Ahli Yang Berhormat supaya kita mengadakan satu buku panduan untuk di-gunakan oleh peserta² atau kaum² tani bagi menjayakan ranchangan di-bawah Rang Undang² ini—ini sangat-lah baik. Sa-benar-nya Kerajaan berniat supaya Lembaga ini mengadakan kursus² dan latihan², bersama² dengan Kementerian Pertanian dengan Sharikat Kerjasama. Jika di-fikirkan patut dalam menjalankan tugas buku panduan patut kita keluarkan, maka boleh-lah Lembaga ini mengeluarkan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya suka hendak menjawab sedikit sahaja, pandangan² Ahli Yang Berhormat daripada Dato Kramat. Oleh kerana ia berchakap dalam bahasa Inggeris, benarkan-lah saya menggunakan bahasa Inggeris juga.

The main points raised by the Honourable Member for Dato Kramat concerning compulsory division of lands for distribution to farmers and the approach of the Alliance Government to solving the problems of absentee landlordism, fragmentation, etc., have already been dealt with by the Honourable the Deputy Prime Minister, and I do not propose to touch on those.

The Honourable Member has also mentioned that even in the FLDA schemes there is no law which prohibits further fragmentation of land and that also, because of the Islamic Law, if a settler dies, then there is nothing in the law which prevents division of shares amongst the beneficiaries. He is wrong there. If only he has read the Land Group Settlement Areas Act of 1960, then he would have seen very clearly that all the lands developed by the FLDA must necessarily come under the Land Group Settlement Areas Act, 1960. The provision of Section 14 to Section 16 prohibit or prevent fragmentation of FLDA lands. Section 14 says: "A rural holding may be alienated only to one individual person qualified in accordance with the provisions of Section 19 and no joint ownership of a rural holding shall at any time be permitted."

Section 51 reads: "No land comprised in a rural holding may, at any time, be sub-divided. No land comprised in a rural holding may be held by way of undivided shares. No rural holding may be leased or sub-let in whole or in part."

Then Section 16, which is relevant on this question of succession, says: "Where, but for the provisions of Section 15 the land comprised in any rural holding would, on the death of the holder or otherwise, be liable to transmission by way of sub-division or in undivided shares the persons entitled to interest in the holdings may assign their interest to a single holder and, in default of such assignment, the holding shall be disposed of on the order of the collector and the proceeds of sale of the holding or any interest therein shall be dealt with according to the law." Therefore, the contention of the Honourable Member for Dato Kramat is clearly wrong.

The Honourable Member also criticised the Government for not having taken effective measures to deal with the problems of the padi cultivators in Kedah and other States in Malaya. The Wilson's Report, which has not, he said, been implemented by the Government, has taken Government eight years to consider whether or not to do something for the padi cultivators. Here, I

would like to say—I think, right at the end of last year, I mentioned it in this House—that a Committee was appointed by the Government to look specifically into these problems, and that Committee headed by Mr Smith drew up out a Report, and that Report was submitted to the Ministry of Agriculture and Co-operatives in the middle of this year. The Ministry concerned is still studying the Report and the Report has, I am told, been sent to the State Governments, and the Ministry of Agriculture is still awaiting comments from the various State Governments. The Government is fully aware that the Ordinance in question, that is to say, the Padi Cultivators (Control of Rent and Security of Tenure) Ordinance, 1955, has not been effective to deal with the problems and because of that the Government has appointed this expert to look into that problem specifically. Therefore, it is not correct to say that the Alliance Government has not taken any steps at all to look into this very difficult problem of land tenure concerning padi cultivators in Kedah and other States.

He has also mentioned that the big problem that we face today, is the tendency of the rural youth to go to the town areas. This problem exists throughout Malaysia, not only in Malaya but also in the Borneo States. We are aware of that, and we are also aware of the need that encouragement should be given to youth to work wherever possible on lands in the rural areas. The Government has got a definite policy on this and, every year, the Minister of National and Rural Development speaks in this House and tells this House what Government has been doing and what Government intends to do. I think more will be said when we debate the First Malaysia Plan in this House, perhaps, in the next two weeks.

Sir, he also said that people in the rural areas are working very hard, that they produce their vegetables and other things, but that these are only used to feed the urban population. Well, that is not so. Naturally the rural people, when they have got vegetables and other foodstuffs, other agricultural products, must find markets somewhere. The urban people do not plant vegetables

and, even if they do, they would not be sufficient. So, where can they go to buy vegetables, except the rural areas? There is nothing wrong in that, nothing evil in that. If, for example, a farmer, who has sold his vegetables to the urban people, decides to spend his money in the town, what can the Government do? It is his right to spend his own money, which he has earned through his own sweat, through his own labour. We can't stop that. If we try to do that, then we will become really very dictatorial in our methods.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan² daripada Ahli² Yang Berhormat yang lain, banyak-nya sa-benar tidak kena-mengena dengan tepat-nya dengan Rang Undang² ini. Dan berkenaan dengan pandangan² yang tidak begitu tepat, yang tidak kena-mengena dengan Rang Undang² ini, tidak-lah saya chuba hendak membuang masa Dewan ini untuk menjawab-nya. Tetapi banyak chadangan², banyak pandangan², itu ada-lah memberi kesedaran bahawa banyak lagi yang patut kita buat didalam Malaysia ini. Dan Kerajaan memang sedar berkenaan dengan masalah² mengenai kepunyaan tanah dalam negara² kita. Di-sini saya suka menegaskan sa-mula ia-itu masalah tanah ini memang satu masalah yang besar apabila kita ingat dan kita pandang bahawa Kerajaan Pusat sa-benar-nya tidak mempunyai kuasa langsung mengenai masalah tanah, kerana tanah ini ada-lah dalam kuasa Kerajaan² Negeri masing². Saperti yang telah dikatakan oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat daripada Raub, dia kata jangan-lah kita macham waktu Jepun dahulu (dia harap apabila Undang² ini berjalan) na' tanya "siapa yang besar? Awak besar-kah? Saya besar-kah?" Jadi saya rasa perkara itu tidak akan timbul dan kita semua berharap bahawa Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan kita dalam usaha kita untuk menjayakan tujuan² yang terkandung dalam Rang Undang² ini.

Ahli Yang Berhormat daripada Sabah dan Sarawak menerangkan harus juga Kerajaan Negeri tidak terima Rang Undang² ini. Saya suka menerangkan di-sini, sa-belum chadangan ini dibentangkan dalam Dewan Ra'ayat ini, perkara ini telah kita bincangkan dalam

National Land Council. Dan National Land Council telah bersetuju pada prinsip-nya dan saya tidak-lah menyangka bahawa ada Kerajaan Negeri dalam Malaya yang akan tidak menerima Rang Undang² ini. Seruan Ahli Yang Berhormat itu supaya Rang Undang² ini sentiasa kita kaji daripada satu masa ka-satu masa, saya terima dengan ucapan jutaan terima kasih dan itu memang-lah akan kita buat saperti juga dengan Undang² yang lain.

Pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Jitra Padang Terap, ini-lah merupa di-antara banyak² pandangan; satu pandangan yang sunggoh² tepat kepada Rang Undang² ini dan kepada Ahli Yang Berhormat itu saya mengucapkan beribu² terima kasih. Sama ada kita patut memberi bantuan sara hidup kepada mereka yang harus masuk dalam ranchangan ini kelak, akan kita kajikan apabila Lembaga ini berjalan. Saya rasa jikalau mereka itu telah ada kerja yang lain, ada kehidupan sa-tiap hari, ada rezki daripada yang lain, maka tentu-lah Ahli Yang Berhormat itu tidak berharap supaya Kerajaan akan memberi sara hidup kepada mereka. Bagi mereka yang tidak mempunyai pekerja, yang mesti mendapat bantuan daripada Kerajaan, perkara ini akan kita timbang. Tetapi saya tidak berjanji bahawa Kerajaan akan memberi.

Permit me, Mr Speaker, Sir, to say a few words in English again. I would like to reply to the observations made by the Honourable Member for Tanjong and also the Honourable Member for Batu. It is not correct to say that this Bill is only a stop gap, introduced solely for the purpose of plugging holes in the leaking Alliance boat today. We do know the problems; we appreciate the problems; and we do know the extent of the problems. This measure is only one of the many measures which we propose to carry out to solve the many problems that we are facing. Land problems differ. Padi cultivators have got their own problems; rubber planters have got their own problems; and the oil-palm planters have got their own problems, although the one common denominator

is there—land. Nevertheless, the measures which should be introduced to solve these problems cannot necessarily be the same—say, for example, the problems posed by the padi cultivators in Kedah are not the same as the problems posed by farmers in the Borneo State, Kelantan or Trengganu; they are not necessarily the same. But this measure does not mean that the Alliance Government is doing something *ad hoc* in the sense that we do not try to foresee what the problems are but, that rather, when we are faced with the problem, then we try to tackle it. It is not so. The Alliance Government, from the time Malaya achieved her independence, has been studying all the various problems in the country and then when they have seen all these problems, they have decided how to tackle step by step each of those problems. As I have said when introducing this Bill, this is one of the measures which, we hope, will solve the problems of the landowners in this country.

The other observations made by the Honourable Member for Tanjong, and in fact by the Honourable Member for Batu, go to show clearly that the allegation by them that we are purely feudalistic in our approach is totally nonsense. What we are doing in our approach is a pragmatic approach, and this is the best approach, suitable to conditions in Malaysia here. In this connection, Mr Speaker, Sir, I would like to mention one important thing here, that is to say, an important aspect of our effort to raise rural income will be to change rural attitude, so as to inculcate a greater sense of responsibility, initiative and willingness to accept changes in techniques of production. The Honourable Deputy Prime Minister has already mentioned in his speech that we do not want to compel people to do something; wherever possible we want to persuade them. We want to make them feel that they themselves are trying their very best to help themselves. If we introduce compulsive measures, we may be solving one problem, but, on the other hand, we may, at the same time, be creating another problem, which may be very much bigger than the problems which we have

solved—the problems of dissatisfaction among the people. The peoples of Malaysia are happy. The peoples of Malaysia have faith in the Alliance Government, and it is for that reason that they have voted us into power several times; and we propose to continue this approach of persuading the people to do things rather than to compel them to do things. We do not think it is necessary at this stage—it may become necessary in future—to set up special commissions to study land reforms and enact the necessary recommendations. In fact, in Germany, I was told by the Secretary to the Ministry of Rural Development, who has just returned from Germany, there is a law dealing with land consolidation; and even there they do not resort to compulsion. They rather resort to agreement and with an agreement of the landowners, they come to an understanding and then they carry out their work.

I think that is all I need say, Mr Speaker, Sir. As I said just now, I do not propose to reply to other observations which I do not consider strictly relevant to this Bill; I would say finally that, whatever the Bill may be, however good the law may be, any project, any measure, any scheme, can only be successful with the full co-operation of the people themselves.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr Speaker in the Chair)

Clauses 1 to 3 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Clause 4—

Enche' Abdul Rahman bin Ya'kub: Mr Chairman, Sir, I beg to move a minor amendment to Clause 4, that is to insert, in Clause 4, paragraph (a), the word "State" after the word "any" in the third line thereof.

Amendment put, and agreed to.

Clause 4, as amended, ordered to stand part of the Bill.

Clauses 5 to 9 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Clauses 10 to 13—

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap di-bawah Clause 13, saya terpaksa hendak menerangkan samula apa yang telah kurang difahamkan oleh Yang Berhormat Menteri kita dalam ucapan saya samalam, ia-itu yang saya maksud di-sini bukanlah badan Lembaga ini tidak mempunyai kuasa dan tidak mempunyai *function* atau pun *duty*-nya, kerana *function* atau pun *duty*, atau pun tugas yang di-beri kepada Lembaga ini boleh di-katakan kebanyakan sama dengan apa yang di-beri kepada FLDA, maka itu-lah yang saya minta dimasukkan kuasa² baharu sa-lain daripada yang merupakan FLDA itu. Sebab-nya, Tuan Pengerusi, kalau-lah sa-kira-nya kuasa² yang di-beri itu sama juga dengan FLDA, tidak-lah mustahak-nya kita mengadakan Bill baharu ini, terus sahaja-lah kita menjalankan kuasa² yang ada pada badan FLDA itu, sedang di-dalam penerangan mengapa maka Bill ini di-kemukakan, pehak Kerajaan sendiri mengaku bahawa kuasa² dan chara² yang ada kepada FLDA itu hanya dapat mengatasi satu bahagian yang kecil sahaja daripada masaalah² atau problem² yang sedang di-hadapi oleh keluarga² petani yang sa-makin sa-tahun sa-makin meningkat banyak-nya. Jadi itu-lah maksud saya, supaya di-masukkan satu kuasa di-dalam Clause 13 ini kalau kira-nya Menteri kita itu tidak bersetuju di-dalam Clause 13 di-mana² juga-lah dapat di-masukkan. Sebab-nya, Tuan Pengerusi, saya perchaya Menteri saya pun suka hendak mendengar kalau saya mencheritakan ia-itu satu perkara yang tidak ada di-dalam FLDA itu, ia-itu chara² hendak *re-organise society* kita, hendak menyusun samula chara² hidup masyarakat kita yang kuno itu tidak ada di-dalam FLDA itu sebab FLDA ini, yang saya faham, di-khususkan kepada membuka tanah² yang baharu, ia-itu belum ada lagi masyarakat di-situ, sedang rehabilitation ini yang kita hendak memperbaiki tanah dan kita hendak menyatukan tanah² itu, masyarakat itu sudah sedia ada

di-situ. Jadi, kalau-lah kuasa itu tidak ada membuat peratoran² itu, hanya kita bergantung kepada kuasa yang ada pada FLDA sahaja, maka alangkah jauh beza-nya FLDA di-maksudkan untuk membuka tanah baharu yang belum ada masyarakat lagi, sedangkan Bill ini kita minta di-luluskan untuk menghadapi satu tanah yang sudah ada masyarakat, jauh di-antara Sarawak dengan Malaya jauh-nya, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, berbangkit daripada itu juga, Tuan Pengerusi, di-dalam FLDA, kalau ada ranchangan, kesemua-nya ranchangan² baharu belaka sedang dalam membaiki tanah ini ia-lah perkara² yang sudah ada yang kita hendak kemukakan benda² baharu di-atas itu dan ini akan berlawanan dengan amalan² yang sedang di-buat oleh masyarakat yang sudah ada itu. Jadi yang saya maksudkan dengan ringkas-nya, Tuan Pengerusi, apa yang saya hendakkan daripada kuasa ini, kalau Menteri itu fikir boleh di-masukkan kuasa itu, ia-itu di-tambahkan lagi kuasa di-samping kuasa FLDA itu sa-kira² badan ini sa-chara langsung atau pun dengan mengadakan Jawatan kuasa² yang kecil di-dalam itu, menyusun masyarakat, memberi falsafah baharu, ia-itu masyarakat lama ini hendak berubah kepada masyarakat baharu dengan dan rukun² falsafah yang baharu ia-itu mereka itu terpaksa mengorbankan sa-tengah², adat yang lama dan bertolak ansor dalam hendak menyatukan tanah dan begitu juga boleh di-kemukakan satu chara Shariat Kerjasama, mithal-nya, kalau sa-kira-nya tuan² tanah itu tidak bersetuju di-satukan oleh kerana dia sayang mithal-nya, tetapi boleh-lah badan ini, dengan kuasa itu, dapat menggambarkan satu chara mereka itu dapat mengguna tanah yang size-nya itu bukan *economic holding*, tetapi kalau mereka itu membuat satu kita katakan *common cultivation* ia-itu sama jenis yang mereka tanamkan itu, maka tanah yang tujuh ekar itu apabila *crop*-nya sama sa-jenis, maka tanah itu dengan tidak payah kita chantum menjadi satu, dengan sendiri-nya dia menjadi *economic holding*. Jadi ini-lah yang saya maksudkan, yang saya gambarkan itu,

tidak-lah pula saya hendak mengatorkan satu² erti-nya kalau hendak *re-organise society* itu bagini², saya rasa kalau sa-kira-nya saya dudok tempat Menteri itu saya buat-lah, tetapi kerana dia dudok di-situ bukan-lah duty saya hendak buat kerja itu. Jadi, itu-lah yang saya maksudkan di-dalam mengadakan regulation atau pun kuasa-nya, Tuan Pengerusi, yang saya harapkan Menteri kita tidak salah faham di-dalam ini, dan saya suka-lah hendak menapikan, Tuan Pengerusi, ia-itu Menteri ini menudoh mengatakan saya menudoh banyak sangat-lah terhadap Kerajaan Perikatan ini.

Saya bangkitkan benda² yang saya tidak bersetuju, bukan-lah berma'ana kata Kerajaan Perikatan ini langsung tidak buat satu apa pun. Kita pun nampak mereka itu membuat, chuma salah itu, kata salah-lah. Jadi macham mana pula benda yang kami tidak puas hati pun hendak mengaku kata puas hati, benda yang di-buati, kami kata tidak buat. Jadi kami mengemukakan pendapat dan saya rasa, Tuan Pengerusi, apa yang saya kemukakan ini, dapat diterima oleh Menteri itu sa-bagaimana juga kami dapat menerima Bill² yang di-kemukakan oleh Kerajaan.

Sa-lain daripada menunjukkan kerjasama antara pihak Kerajaan dengan Pembangkang ini-lah masa-nya Kerajaan Perikatan hendak menunjukkan kepada dunia luar terutama Indonesia, di-ketika Indonesia berpecah antara President Soekarno dengan tentera-nya, Perikatan dengan PAS ini boleh bersatu baharu-lah ada kerjasama.

Enche' Abdul Rahman bin Ya'kub: Apa kena-mengena dengan Clause 13 ini?

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Jadi, Tuan Pengerusi, itu menggambarkan hendak menguatkan supaya dia mahu menerima. Kalau dia tidak mahu apa saya hendak buat, Tuan Pengerusi, (Ketawa).

Enche' Abdul Rahman bin Ya'kub: Clause 13, saya chari² Soekarno dalam clause ini, tidak ada, Tuan Pengerusi. (Ketawa) Apa Yang Berhormat itu kata sa-malam, Clause 13 patut ada peratoran yang boleh memandu tuan²

punya tanah. Saya tulis sendiri ini sa-malam, jadi jawab saya tidak perlu-lah kita hendak masukkan Fasal 13 kerana proviso 4 sudah ada bagi kuasa. Ini pula dia berbalek kapada lain; dia sudah lupa apa dia kata sa-malam, dia sudah nyanyok, Tuan Pengerusi. Masalah kita mengadakan Undang², sa-lain daripada kuasa dalam FLDA, bacha Clause 4 lagi, chuma clause yang memberi kuasa yang sama dengan kuasa² yang ada di-beri kapada FLDA, dalam Rang Undang² ini ia-lah Clause 5—ini untuk pentadbiran lembaga itu. Jadi kuasa² yang lain tersebut dalam Bab yang lain daripada perlembagaan FLDA. Jadi, saya rasa untuk mengadakan memberi kuasa kapada lembaga menyusun masyarakat yang baharu itu, itu bukan tugas lembaga ini, kita hendak tolong orang supaya tanah² itu dapat di-majukan samula dan dengan chara demikian mereka dapat hasil² yang banyak. Masalah hendak menyusun masyarakat yang baharu, Tuan Pengerusi, tidak dapat hendak diselenggarakan dengan Undang² ini, ini mesti di-pandang dari segi seluruh Malaysia. Itu patut kita buat dengan chara economic policy dengan lebih luas lagi. Kalau dia terima prinsip Kerajaan Perikatan, senang kita boleh menyusun masyarakat yang baharu dan yang dynamic.

Clauses 10 to 13 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Clause 14—

Enche' Abdul Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, dengan kebenaran tuan, saya mengemukakan satu pindaan yang kecil oleh kerana di-sebabkan oleh pindaan kapada Clause 14 tadi. Pindaan ini ia-lah dengan memasukkan ta'arif perkataan "State Land" di-dalam Clause ini:

"State land" shall have the meaning assigned to it in the National Land Code 1965.

Amendment put, and agreed to.

Clause 14, as amended, ordered to stand part of the Bill.

Schedule ordered to stand part of the Bill.

Bill reported with amendment; read the third time and passed.

THE CONVENTION ON THE SETTLEMENT OF INVESTMENT DISPUTES BILL

Second Reading

The Assistant Minister of Finance (Dr Ng Kam Poh): Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled

"An Act to ratify and give legal sanction to the provisions of the Convention on the Settlement of Investment Disputes" be now read a second time.

As Honourable Members are aware, one of the major obstacles to private foreign investment in developing countries has been the problem of the settlement of disputes between governments and private parties. Hitherto, an investor who wished to contest the action of a Government had to invoke the diplomatic protection of his own Government or request his Government to forward his case to an international tribunal. Neither remedy has been found to be satisfactory. The absence of adequate machinery for international conciliation and arbitration has often frustrated attempts to agree on an appropriate mode of settlement of such disputes.

Hence, the International Bank for Reconstruction and Development, popularly known as the World Bank, has suggested the establishment of an institution to be called "The Arbitration and Conciliation Centre", as an answer to the problem. This Centre would be sponsored by the Bank, but its relationship to the Bank would in no way impair its independence in the exercise of its quasi-judicial function.

The World Bank has had considerable experience in the matter of conciliation and quasi-arbitration. It is regarded as an impartial institution with an understanding of capital-exporting and capital-importing countries alike. A recommendation or proposal by the Bank, or an institution sponsored by the Bank, may therefore be reasonably expected to receive wide attention and respect.

The Convention on the Settlement of Investment Disputes has been sponsored by the World Bank as a means of strengthening the partnership between countries in the cause of economic

development. The Convention provides for the establishment of an international centre for the settlement of investment disputes. This can be a major step towards promoting an atmosphere of mutual confidence which would stimulate a greater flow of international capital into those countries with which it contracts.

The Convention will establish an organisation which will provide both conciliation and arbitration facilities at international level. The organisation will comprise an administrative council a secretariate and panels of conciliators and arbitrators. The administrative council will consist of one member from each of the contracting governments. Each member shall have one vote. Each state may designate four persons each to the panel of conciliators and the panel of arbitrators.

In accordance with Article 25 (4) of the Convention, "a Contracting Party can notify the Centre at the time of ratification, acceptance and approval of this Convention or at any time thereafter the class or classes of disputes which it would or would not consider submitting to the jurisdiction of the Centre". It is proposed that Malaysia should refrain from committing itself in advance to refer any particular class or classes of disputes to the Centre. In accordance with Article 26, the Contracting State may require the exhaustion of domestic, administrative or judicial remedies as a condition of its consent to arbitration under this Convention. It is proposed that this Government should insist on the exhaustion of domestic administrative and judicial remedies as a condition of its consent.

I would like to draw the attention of Honourable Members to the fact that adherence to the agreement would not by itself, legally or morally, obligate any state to submit itself to the jurisdiction of the Centre. The use of the Centre would be entirely voluntary. Jurisdiction can be conferred on the Centre either by the unilateral declaration of a state agreeing in advance to the submission of particular types of disputes for arbitration or conciliation by the Centre or by agreement

between a state and a particular investor. In order to ensure that the Centre would not be meaningless, the Convention provides that once a state has voluntarily agreed to submit a particular class of disputes to the jurisdiction of the Centre, this agreement would be a binding international obligation.

Honourable Members may wish to note that as at 22nd October, 1965, twenty-five member countries of the World Bank, including Malaysia, had signed the Convention. The signatories include a number of Afro-Asian countries, such as, Cameroon, Central African Republic, Dahomey, Ethiopia, Gabon, Ivory Coast, Japan, Liberia, Mauritania, Niger, Nigeria, Nepal, Sierre Leone, Somalia, Morocco, Tunisia and Upper Volta.

It would be very much in keeping with our policy of encouraging foreign capital to invest in Malaysia, for us to lend our support to this Convention. The proposed Bill will enable Malaysia to ratify and give legal sanction to the provisions of the Convention on the Settlement of Investment Disputes.

Sir, I beg to move.

The Assistant Minister of Youth, Culture and Sports (Engku Muhsein bin Abdul Kadir): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin tuan saya turut berchakap berkenaan dengan Bill untuk mendapat pengesahan dari segi Undang² berkenaan dengan penyelesaian perselisihan penanaman modal.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya saya bersetuju-lah Bill ini kita luluskan, kerana investment atau pun permodalan bagi kemajuan ekonomi sa-sabua negara tidak-lah mesti terhenti kepada modal di-dalam negeri sahaja. Oleh kerana hajat manusia tidak kesemua terchapai di-dalam negara-nya sendiri. Ada negeri berhajat kepada sa-buah negeri kerana negeri yang kedua itu mempunyai bahan² mentah yang banyak dan negeri² yang mempunyai bahan mentah yang banyak itu berhajat pula kepada negeri² lain

yang mempunyai barang² yang sudah di-process, erti-nya hajat ini sa-makin kuat bersilih ganti di-antara dua buah negeri yang berchorak, satu-nya negeri agrarian dan lagi satu negeri perusahaan. Jadi Tuan Pengerusi, negara kita ini ta' dapat kita hendak katakan sa-buah negara yang betul² negara pertanian dan ta' dapat juga hendak kita sebutkan sa-bagai negara perusahaan, oleh kerana muda-nya negara kita ini sa-bagai sa-buah negara yang merdeka, maka segala²-nya itu hanya kita memandang masa depan yang lebih baik untuk menchorakkan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Bill ini di-lulus kelak, maka dapat-lah kita mengetahui dengan sa-benar-nya, berapa banyak-kah modal² daripada luar negeri di-tanam di-negeri kita ini. Pada masa ini pun, saya tahu ada perangkan itu tetapi oleh kerana, boleh jadi, modal² itu di-tanam dengan tidak membuat sa-barang perjanjian atau konterek, dengan jalan kita mengadakan perusahaan² taraf perintis, maka banyak-lah benda² yang tersembunyi daripada pengetahuan ra'ayat jelata. Tetapi apabila sudah di-luluskan undang² ini, saya perchaya, daripada satu masa ka-satu masa terutama di-dalam masa Budget Meeting, akan timbul-lah pertanyaan² dan soalan² daripada wakil² ra'ayat untuk ra'ayat jelata mengetahui-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan Rang Undang² ini, apabila di-luluskan, penanaman modal daripada luar negeri itu tidak-lah samata² melalui jalan konterek di-antara State dengan State samata². Tetapi boleh-lah juga di-antara national State itu sa-bagaimana yang tersebut di-dalam Rang Undang² ini. Yang saya hendak tekankan ia-lah jangan-lah pula Kerajaan Pusat ini menghalang apabila ada mana² pehak sub-division di-dalam negeri ini hendak membuat konterek² dengan negeri² lain ia-itu hendak memasukkan permodalan luar kadalam negara kita ini. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana benda ini terta'alok kepada satu kuasa pemutus yang kita namakan mahkamah orang tengah, jadi tentu-lah segala konterek atau pun perjanjian itu mesti dengan pengetahuan Kerajaan Pusat, dan di-sini-lah yang saya bimbang ia-itu

Kerajaan Pusat akan membeza²kan di-antara satu pehak dengan satu pehak.

Tuan Yang di-Pertua, di-negeri Kelantan, saya tidak tahu sangat kedudukan bumi di-negeri Kelantan, tetapi sahabat saya daripada Kelantan Hilir lebih tahu daripada saya dan dia anak sana, ia-itu di-negeri Kelantan. Kita ada tanah yang luas dan boleh kita membuat satu² projek atau pun satu kerja dengan kita membayarkan investment daripada luar negeri. Tuan Yang di-Pertua, chara yang saya sebut kita hendak mengadakan konterek dengan tuan² modal di-luar negeri itu bukanlah mesti bagi pehak kita di-sini mempunyai wang tunai sama dengan pehak itu, tidak mesti begitu. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa yang dinamakan wang atau pun kekayaan itu boleh kita gambarkan dalam beberapa bentuk. Terutama di-dalam bentuk wang betul, yang kedua dalam bentuk tanah atau pun harta kita, dan yang ketiga dalam bentuk tenaga manusia—labour. Jadi ini, Tuan Yang di-Pertua, ada negeri², bukan di-Kelantan sahaja. tetapi macham di-Pahang dan Trengganu, boleh pehak² ini membuat konterek, membuat perjanjian dengan mana² pehak di-luar negeri supaya memasokkan modal di-luar negeri itu untuk membangunkan satu² project dengan modal bagi pehak kita di-sini, menchagarkan harta kita dan juga menchagarkan labour atau pun tenaga manusia yang ada di-sana ia-itu tanah dan labour tenaga manusia ini yang sa-benar-nya merupakan wang juga sama dengan orang di-sana. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah satu chara yang saya perchaya apabila berjalan kelak, maka banyak-lah peluang² baharu dalam ekonomi, akan timbul dan dapat-lah ra'ayat jelata kita di-sini menyumbangkan modal mereka itu, bukan dengan wang, tetapi dengan tenaga mereka itu sendiri, merupakan wang juga.

Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi tidak dapat-lah hendak di-terimakan oleh sa-tengah² orang bahawa tenaga itu merupakan wang tetapi saya memandang tenaga itu wang, sebab itu-lah saya maksudkan supaya di-adakan satu² project yang modal luar negeri itu merupakan wang, tetapi kita di-sini

merupakan tanah dan tenaga.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita pun tidak tahu perangkaan yang sa-benar berapa project-kah yang di-buat dengan perjanjian yang samacham ini dan ada-kah sudah berlaku atau pun tidak sa-lain daripada perusahaan taraf perintis-nya, Tetapi saya perchaya apabila pelabohan Port Swettenham kita di-buka, banyak-lah perdagangan² yang di-luar negeri akan dapat di-bawa masuk ka-sini dan di-masa itu-lah kita akan melihat perjanjian² perdagangan di-buat, bukan sahaja menerusi badan² yang di-aku² oleh Kerajaan², tetapi juga oleh sa-tiap pehak yang merasa diri-nya layak dan patut membuat perjanjian² seperti itu.

Saya berharap-lah pada Kerajaan jangan-lah pula mengadakan sekatan ia-itu barang siapa hendak membuat konterek, hendak membawa masuk modal ka-luar negeri ka-sini mesti-lah dia ada dalam satu badan yang sudah di-aku²—recognize—oleh Kerajaan dan kalau hendak begitu pula mesti-lah ada wang deposit-nya supaya apabila kita bergaduh besok² di-bawa kepada mahkamah orang tengah dan mahkamah itu menghukumkan orang ini salah. Maka daripada duit itu-lah pehak Kerajaan ini tolong membayar di-sana sa-bagaimana di-buat kepada pembeli² kayu balak dalam Bill kita yang lalu.

Jadi, ini kesemua-nya, Tuan Yang di-Pertua, hendak menjaga modal luar lebih banyak daripada hendak menjaga modal dalam. Sebab itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menudoh Kerajaan berbuat begitu tetapi di-sebut daripada faham Bill ini maka saya kata begitu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebab itu-lah kita tidak dapati dalam Bill ini mengemukakan peluang² atau pun jenis² konterek yang patut di-buat. Oleh itu.....(Gangguan)

Dr Ng Kam Poh: Mr Speaker, Sir, on a point of order. I do not think the Honourable Member knows what the Bill is for. The Bill is for contracting States. It does not mean the State of Kelantan, the State of Pahang, or the State of Negeri Sembilan, it means the whole of Malaysia versus an investor or that a State is investing here, that is as simple as that. He has not the clue to what he is talking about, Sir. This is an international affair to give

to arbitration and conciliation to the Centre so as to encourage foreign investments coming from outside into Malaysia. That is all, it is as simple as all that.

Mr Speaker: I do not agree with the Honourable Assistant Minister that the Honourable Member has not got the clue to what he is talking about, he may have some clue, let him carry on. *(Laughter)*

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, saya pun mengerti-lah perjanjian international tidak-lah state Kelantan mesti-lah Malaya ini dengan state lain, tetapi yang saya minta jangan-lah apabila hendak di-buat perjanjian itu mesti tetap di-antara state Malaya atau Malaysia ini dengan state yang di-luar. Tetapi boleh juga.....*(Gangguan)*

Dr Ng Kam Poh: Saya telah juga chakap, telah juga berucap ini state tidak bersetujukan dalam fasal kita dan membuatkan class² dispute pada centre di-dahulu saya sudah chakap. Dengar-lah *speech* saya.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, memang Bill ini sedikit sahaja, kita hendakkan legal sanction—sanction itu kita hendakkan memang-lah bersetuju. Saya sokong pada mula-nya, tetapi apabila kita hendakkan legal sanction dia kemukakan, saya sokong, habis-lah dua minit, tetapi ta' kan-lah kita tidak berchakap perkara² yang berbangkit dalam perkara ini. Kalau sa-kira-nya samata² kita hendakkan pengesahan itu sahaja dengan tidak tahu apa guna Bill ini dan mengapa di-bawa, saya rasa tidak menjadi perbahathan, sa-takat tulis sedikit sahaja. Saya mahu legal sanction. Saya kata “ya” balek jadi tidak-lah sampai kasitu. Jadi, ya-lah, Menteri ini akan jumpa kita dalam tiga tahun lagi *(Ketawa)* dalam Parliamen ini—bukan baharu.

Tuan Yang di-Pertua, lambat lagi-kah? Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan ia-lah apabila ada pihak² dalam negara kita ini, mithal-nya, orang persaorangan. Katakan-lah saya di-Kelantan. Saya dapat tanah, mithal-nya, berapa² ribu ekar kemudian saya

hendak buat konterek dengan wang di-luar negeri, jadi ini juga termasuk dalam konterek yang boleh di-buat oleh national bagi satu² state itu dengan pihak luar negeri. Jadi di-sini-lah saya minta jaminan. Kerajaan Perikatan supaya jangan di-kenakan syarat², mithal-nya, mesti-lah awak sa-bagai satu badan yang di-akuī. Jadi saya terpaksa kena buat badan. Jadi, ini menyusahkan saya hendak limited-kah, tidak limited-kah, hendak private-kah atau begitu bagini, kemudian sudah-lah membuat itu, terpaksa-lah pula saya mengadakan deposit dan begitu bagini. Jadi, ini menghalangkan saya daripada memasukkan modal luar negeri ka-sini, sedang pada fahaman saya tadi, kalau faham saya dapat di-terima oleh pihak Kerajaan ia-itu modal saya itu ia-lah harta, tanah dan tenaga buroh kita di-sini bersama dengan bahagian modal investment yang di-bawa merupakan wang di-sini. Jadi, itu-lah yang saya maksudkan daripada apa yang saya sebutkan tadi ia-itu saya menggambarkan negeri Pahang atau pun Kelantan. Jadi Menteri Muda kita itu ingat State Kelantan itu State Pahang juga, jadi dia ingat saya tidak faham, yang sa-benar-nya dia tidak faham bahasa Melayu *(Ketawa)*.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kita hendak menjalankan penyelesaian apabila berlaku satu² perselisihan. Mengikut Bill ini kita mengakuī bahawa process perbicharaan dan penyelesaian itu mesti-lah mengikut undang² dalam negeri ini, bukan mengikut undang² di-dalam negeri yang kita membuat konterek dengan-nya. Jadi, di-sini, Tuan Yang di-Pertua, alang-kah susah-nya ia-itu kita membuat konterek dengan satu pihak dan apabila berlaku satu pertikaian, chara hendak menyelesaikan pertikaian itu mesti-lah mengikut undang² negeri kita, pada hal dia pun mempunyai negeri dan mempunyai undang² juga. Di-sini saya nampak-lah Kerajaan Perikatan kita berani ia-itu barang siapa hendak membuat konterek dengan kita mesti-lah tundok kepada undang² kita. Saya ucapkan terima kaseh itu, tetapi dalam pada itu pun method yang di-gunakan mesti-lah

berupa international pula. Jadi bagaimanakah hendak kita mengekalkan kuasa process undang² tempatan sedang waktu kita hendak melaksanakan itu kita tunduk kepada method atau pun chara² yang merupakan international. Boleh jadi orang yang membuat konterek dengan kita itu dua parti, parti A dengan B. A kita di-sini, B orang luar negeri, tetapi B itu tidak mesti orang sa-orang, dia boleh dua orang, maka B itu menjadi sub-B pula. Mithal-nya sa-orang itu French dan sa-orang lagi Italian, dia mempunyai state law dan orang French itu mempunyai state law. Jadi kita hendak menyelesaikan dengan chara method international itu, saya rasa ini-lah satu perkara yang akan merumitkan Mahkamah Orang Tengah itu apabila berlaku kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya-lah bahawa method yang di-gunakan merupakan international itu tidak-lah menyentoh hak asasi di-dalam undang² itu sendiri, tetapi yang menjadi kachau kita dengan dunia luar bukan hak asasi itu, tetapi perhubungan antara sa-buah negeri dengan sa-buah negeri dan perjalanan kita dan amalan yang berlaku di-dalam negeri ini tidak sama dengan negeri kita, maka di-sini timbul-nya pergadohan² yang saya sebutkan tadi itu.

Jadi, di-sini saya minta bagi pehak Kementerian kita ini menerangkan dengan sa-jelas²-nya supaya orang² yang akan mengambil bahagian di-dalam menggalakkan modal international dan kerjasama pemodal² dari luar negeri itu dengan sa-penoh-nya.

Dr Ng Kam Poh: Mr Speaker, Sir, I would not make as long as a speech at that of the Member of Bachok, but I will try to explain to him what is going on.

In accordance with Article 24 of the Convention, as I said in my speech, it is proposed that Malaysia should exhaust its own laws within the country. In other words, we should go first to the Magistrate's Court or High Court and then go to all the Courts, exhaust all its judicial or conciliatory bodies before we submit to the International Bank for Development and Reconstruction or rather the Centre of the World Bank. At the present

moment we have not submitted anything to them, no class of disputes has been submitted to them at all. We reserve that right until such time we feel that that class of disputes must be submitted, then and then only we are legally bound. If we do not submit, we can unilaterally withdraw and there is no submission to the World Bank, and therefore World Bank has no jurisdiction over us. We can even privately talk with the investor and conciliate with the investor, having another arbitrator, if he likes, but once the class of disputes is submitted to the World Bank, it becomes irrevocable. That is the process which we are using at the present moment. We are not in any way submitting any class of disputes yet to the Centre. I hope the Member from Bachok is satisfied with my explanation.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in committee.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

Clauses 1 to 3 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Schedule ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

MOTION

THE TURNOVER TAX ACT, 1965

(Amendment to the Second Schedule)

The Parliamentary Secretary to the Minister of Finance (Enche' Ali bin Haji Ahmad): Mr Speaker, Sir, I beg to move:

That in accordance with the provisions of section 6 (2) of the Turnover Tax Act, 1965, this House resolves that the Second Schedule be amended by the addition of the following:

"10. The sales during the basis period for the year of assessment 1965 of pioneer products by a company declared to be a pioneer manufacturer under the Sarawak Pioneer Industries (Encouragement) Ordinance, 1957, provided that if the pioneer certificate of

any pioneer manufacturer is revoked this exemption shall, in its application to that company, be deemed to have been cancelled."

Sir, the Second Schedule to the Turnover Tax Act, 1965 specifies the activities, in respect of which moneys receivable by a person shall be left out of account in the computation of gross turnover. By virtue of Section 6 (2) of the Act, this House may, by resolution, amend the Schedule.

The purpose of the present resolution is to amend the Second Schedule to the Turnover Tax Act, 1965, so that sales of pioneer products during the basis period for the year of assessment 1965 by a pioneer manufacturer in Sarawak shall be left out of account in the computation of gross turnover of the manufacturer, I should explain that Item 3 of Part II of the Third Schedule to the Turnover Tax Act exempts the turnover tax the sales of products during the tax relief period of a pioneer company. But whereas the laws on pioneer industries for the States of Malaya and Sabah provide for tax relief periods for manufacturers, the law on pioneer industries for Sarawak does not provide for such relief and hence without the amendment as I propose, pioneer manufacturers in Sarawak will have to pay turnover tax for the year 1965 and will then not be given the same treatment as pioneer manufacturers in the other component States.

As regards the year 1966 and subsequent years, it is intended to extend the application of the Malayan law on pioneer industries to Sarawak so that from 1966 onwards pioneer manufacturers in Sarawak will have a tax relief period.

Sir, I beg to move.

The Assistant Minister of Education (Enche' Lee Siok Yew): Sir, I beg to second the motion.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap rengkas sahaja, satakat ini saya pun leteh juga, ia-itu berkenaan dengan chukai Turnover Tax ini. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap pada umum sahaja. Yang sa-benarnya patut kita hapuskan langsung

chukai ini, sebab banyak sangat-lah jenis chukai yang kita kenakan kepada ra'ayat, pada hal tadi-nya kita telah meluluskan beberapa Bill, atau pun Rang Undang² yang di-dalam tiap² Rang Undang² itu, Wakil² Ra'ayat dalam Dewan ini bangun menceritakan kesedehan ra'ayat jelata, kemiskinan dan kepapaan, berhajat kepada memulehkan tanah, memberi tanah. Jadi, pada hari ini juga, kita menche-ritakan kesusahan ra'ayat jelata, menangis ra'ayat jelata; pada hari ini pula ada di-hadapan kita, ia-itu Rang Undang² Chukai yang di-namakan Turnover Tax. Boleh jadi, chukai jenis ini akan di-pinda dan di-masokkan di-satengah² tempat, tetapi yang saya minta ia-lah jenis ini mesti-lah di-hapuskan semua sa-kali—tidak peduli negeri mana yang ada dalam Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah chukai ini, niat Kerajaan ia-lah hendak menchari kewangan dan daripada kewangan itu, kita hendak membelanjakan untuk pelajaran, untuk hendak melawan konfrantasi, untuk hendak beri penchen kepada Perdana Menteri, hendak beri insurance kepada Ahli² Dewan Ra'ayat dan boleh jadi juga menambahkan elaun kepada Ahli² Dewan Ra'ayat ini, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, masalah-nya ia-lah masalah kita mengenakan chukai kepada ra'ayat jelata dengan bermacam² chukai berulang² alek. Ini, Tuan Yang di-Pertua, menimbulkan satu rasa.....

Enche' Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Standing Order Nombor 38 (1):

Perbahathan atas apa² usul, sa-lain daripada usul hendak menanggohkan Majlis Meshuarat dan perbahathan Majlis Meshuarat, dan perbahathan atas apa² Rang Undang² atau pindaan, hendak-lah berkaitan dengan usul atau Rang Undang² atau pindaan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok membicharakan soal yang lebeh luas, pada hal usul ini hanya mengenai pengechualian daripada Turnover Tax bagi negeri Sarawak yang tidak ada proviso-nya dalam undang² yang ada. Tentang Turnover Tax keseluruhannya, itu ada-lah di-luar bidang resolution ini.

Mr Speaker: Betul ini!

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya ta' boleh berchakap kalau begitu! (*Ketawa*). Jadi, mesti-lah saya hendak sentoh sedikit, Tuan Yang di-Pertua, sampai ta' boleh sentoh langsung macham mana hendak buat kerja ini. Jadi, susah-lah saya. Saya memang-lah saya bersetuju dengan undang² ini, bukan tidak setuju, tetapi hendak mencheritakan benda² yang berkaitan dengan itu, ia-itu kalau sa-kira-nya kita memberi tempoh, masa kapa satu pehak company itu hendak membayar jenis chukai ini, kemudian kita hendak luaskan lagi masa itu, atau pun kita hendak menidakkan langsung, jadi berkaitan kesemua dengan jenis Turnover Tax ini. Jadi, saya mengharapkan bukan sahaja masaalah Bill ini, tetapi masaalah motion ini, tetapi masaalah chukai itu sendiri hendak-lah kita buangkan.

Mr Speaker: Itu yang di-tegor-nya tadi!

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Itu yang dia mahu? Yang itu pula yang saya mahu, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya pun menaruh simpati, sebab company² yang merupakan taraf perintis ini, patut-lah dia memberi pertimbangan² yang sa-macham itu, tetapi kalau boleh-nya, biar-lah negeri² kita di-sabelah sini pun mendapat habuan timbangan yang saperti itu juga. Saya tahu undang² ini akan kena-mengena dengan negeri Sabah dan Sarawak

sahaja, tetapi nasib kaum yang kita beri peluang di-sana itu ada juga kaum² itu di-negeri kita ini. Apa-kah kalau orang² kita ini meminta yang sa-macham ini, mithal-nya, tidak-kah dapat Kerajaan kita ini menimbang-kan? Jadi, itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, yang saya dapat berchakap dan saya pun hendak balek sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Enche' Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara chukai² seluruh-nya dan juga chukai Turnover Tax, saya rasa ta' payah-lah saya jawab dan saya harap Ahli² Yang Berhormat, terutama sa-kali Ahli Yang Berhormat dari Bachok, tunggu-lah pada hari besok pada jam pukul 2½ petang.

Question put, and agreed to.

Resolved.

In accordance with the provisions of section 6 (2) of the Turnover Tax Act, 1965, this House resolves that the Second Schedule be amended by the addition of the following:

"10. The sales during the basis period for the year of assessment 1965 of pioneer products by a company declared to be a pioneer manufacturer under the Sarawak Pioneer Industries (Encouragement) Ordinance, 1957, provided that if the pioneer certificate of any pioneer manufacturer is revoked this exemption shall, in its application to that company, be deemed to have been cancelled."

Mr Speaker: The House is adjourned till 10 a.m. tomorrow.

Adjourned at 8 p.m.